

# UNDANG-UNDANG MALAYSIA

CETAKAN SEMULA

## Akta 51

### AKTA PERGIGIAN 1971

*Mengandungi segala pindaan hingga 1 Januari 2006*

DITERBITKAN OLEH  
PESURUHKAYA PENYEMAK UNDANG-UNDANG, MALAYSIA  
DI BAWAH KUASA AKTA PENYEMAKAN UNDANG-UNDANG 1968  
SECARA USAHA SAMA DENGAN MALAYAN LAW JOURNAL SDN BHD  
DAN PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BHD  
**2006**

2

## AKTA PERGIGIAN 1971

Tarikh Perkenan Diraja... ... ... ... 27 September 1971  
Tarikh penyiaran dalam *Warta* ... ... 30 September 1971

### CETAKAN SEMULA YANG TERDAHULU

*Cetakan Semula Yang Pertama* ... ... ... 1993  
*Cetakan Semula Yang Kedua* ... ... ... 1999



DISEDIAKAN UNTUK PENERBITAN OLEH  
MALAYAN LAW JOURNAL SDN BHD  
DAN DICETAK OLEH  
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD  
CAWANGAN KUALA LUMPUR  
2006



## **UNDANG-UNDANG MALAYSIA**

### **Akta 51**

### **AKTA PERGIGIAN 1971**

#### **SUSUNAN SEKSYEN**

#### **BAHAGIAN I**

#### **PERMULAAN**

##### **Seksyen**

1. Tajuk ringkas
2. Tafsiran

#### **BAHAGIAN II**

#### **MAJLIS PERGIGIAN MALAYSIA**

3. Penubuhan dan keanggotaan Majlis
4. Kewajipan dan kuasa Majlis
5. Perlindungan Pihak Berkuasa Awam
6. Pekhidmat awam
7. Pemakaian Jadual Pertama
8. Kuasa Menteri untuk mengeluarkan arahan
9. Penyata

#### **BAHAGIAN III**

#### **PENDAFTARAN PENGAMAL PERGIGIAN: AMALAN PERGIGIAN**

10. Pendaftar
11. Daftar Pergigian Malaysia
12. Orang yang berhak didaftarkan sebagai pakar bedah pergigian
13. Orang yang berhak didaftarkan sebagai doktor pergigian

Seksyen

14. Perakuan pengamalan sementara
15. Keterangan mengenai kelulusan hendaklah diberikan sebelum catatan dibuat di dalam Daftar
16. Permohonan untuk pendaftaran
17. Sekatan ke atas pendaftaran
18. Perakuan pendaftaran
19. Perakuan pengamalan tahunan
20. Penyiaran senarai pengamal pergigian berdaftar yang kepadanya dikeluarkan perakuan pengamalan tahunan
21. Pemberitahuan mengenai pertukaran alamat tetap kediaman atau amalan
22. Kuasa Majlis untuk membuat catatan tertentu bersetentangan dengan nama dalam Daftar
23. Perhentian pendaftaran
24. Perubahan dalam Daftar
25. Keistimewaan bagi orang berdaftar dan ketidakupayaan orang yang tidak berdaftar
26. Perakuan pergigian
27. Takrif
28. Pertubuhan perbadanan pergigian
29. Menunjukkan perakuan pendaftaran dan perakuan pengamalan tahunan
30. Pengamal yang menjalankan amalan di beberapa tempat hendaklah memberikan butiran pengamal di setiap tempat amalan
31. Pemeriksaan premis yang digunakan bagi amalan pergigian

**BAHAGIAN IV**

**PROSIDING TATATERTIB**

32. Bidang kuasa tataterib Majlis
33. Hukuman tataterib
34. Rayuan terhadap perintah atau keputusan Majlis

*Pergigian*

5

BAHAGIAN V

AM

Seksyen

35. Pendaftaran fraud
36. Kesalahan
37. Larangan amalan pergigian oleh orang yang tidak berdaftar
38. Berselindung
39. Penalti bagi doktor pergigian berdaftar yang memperihalkan kerjaya secara palsu
40. Pendakwaan
41. Pengecualian
42. Penalti am

BAHAGIAN VI

PERATURAN-PERATURAN, KECUALIAN DAN  
PEMANSUHAN

43. Peraturan-peraturan
44. Kecualian
45. Pemansuhan

BAHAGIAN VII

PERUNTUKAN TAMBAHAN BAGI  
MAKSUD NEGARA




46. Maksud, pemulaan kuat kuasa dan tempoh Bahagian ini
47. Notis kepada orang berdaftar supaya berkhidmat sebagai pegawai pergigian dalam perkhidmatan awam
48. Tempoh perkhidmatan menurut notis di bawah subseksyen 47(1)
49. Kuasa Menteri untuk memberikan pengurangan, pengecualian atau penangguhan tempoh perkhidmatan di bawah seksyen 48
50. Menteri boleh membuat kaedah-kaedah

JADUAL PERTAMA

JADUAL KEDUA



051b.fm Page 6 Friday, March 31, 2006 11:49 AM



## **UNDANG-UNDANG MALAYSIA**

### **Akta 51**

#### **AKTA PERGIGIAN 1971**

Suatu Akta bagi menyatukan dan meminda undang-undang yang berhubungan dengan pendaftaran dan amalan pengamal pergigian dan bagi membuat peruntukan tertentu untuk maksud negara berkenaan dengan suatu tempoh perkhidmatan dalam perkhidmatan awam selepas pendaftaran sebagai seorang pengamal pergigian; dan bagi membuat peruntukan bagi maksud yang berkaitan dengan perkara yang tersebut di atas.

[1 Februari 1972, P.U.(A) 28/1972]

**MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG** oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti yang berikut:

#### **BAHAGIAN I PERMULAAN**

#### **Tajuk ringkas**

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Pergigian 1971.

#### **Tafsiran**

2. (1) Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“ahli” ertiaya seseorang ahli bagi Majlis Pergigian Malaysia yang ditubuhkan di bawah seksyen 3;

“alamat berdaftar” ertiaya alamat yang terdapat pada perakuan pendaftaran yang dikeluarkan di bawah seksyen 18;

“berdaftar” ertiaya didaftarkan di bawah seksyen 12 atau 13, mengikut mana-mana yang berkenaan;

“Daftar” ertinya Daftar Pergigian Malaysia yang dikehendaki disenggarakan di bawah seksyen 11;

“ditetapkan” ertinya yang ditetapkan oleh peraturan yang dibuat di bawah Akta ini;

“doktor pergigian” ertinya seseorang pengamal pergigian yang didaftarkan dalam Bahagian II dalam Daftar;

“kelulusan” ertinya sesuatu diploma, ijazah, *fellowship*, keahlian, lesen, kuasa menjalankan amalan, surat, surat perakuan, perakuan, atau taraf atau suratan lain yang diberikan oleh sesuatu universiti, perbadanan, maktab atau badan lain, atau oleh manama jabatan, atau orang yang bertindak menurut kuasa, kerajaan sesuatu negeri atau tempat di dalam atau di luar Malaysia;

“Ketua Pengarah” ertinya Ketua Pengarah Kesihatan, Malaysia;

“Majlis” ertinya Majlis Pergigian Malaysia yang ditubuhkan di bawah seksyen 3;

“pakar bedah pergigian” ertinya seseorang pengamal pergigian yang didaftarkan dalam Bahagian I dalam Daftar;

“Pendaftar” ertinya Pendaftar Pengamal-Pengamal Pergigian yang disebut dalam seksyen 10;

“pengamal” ertinya seorang pengamal pergigian;

“pengamal pergigian” ertinya seseorang yang didaftarkan dalam Daftar;

“Pengarah” ertinya Pengarah Perkhidmatan Pergigian, Malaysia;

“perakuan pendaftaran” ertinya sesuatu perakuan pendaftaran yang dikeluarkan di bawah seksyen 18;

“perakuan pengamalan” ertinya perakuan pengamalan tahunan yang disebut dalam seksyen 19;

“perkhidmatan awam” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Perkara 132 Perlembagaan dan, selain itu, ia juga bererti perkhidmatan sesuatu pihak berkuasa tempatan atau perkhidmatan sesuatu pihak berkuasa berkanun yang menjalankan kuasa yang diberikan kepadanya oleh undang-undang persekutuan atau undang-undang Negeri dan ungkapan “perkhidmatan awam” hendaklah ditafsirkan sewajarnya;

“Setiausaha” ertinya Setiausaha Majlis yang dilantik di bawah perenggan 4 dalam Jadual Pertama;

“Yang Dipertua” ertinya Yang Dipertua Majlis Pergigian Malaysia yang dilantik mengikut subperenggan 1(1) dalam Jadual Pertama.

(2) Seseorang hendaklah disifatkan menjalankan amalan pergigian mengikut pengertian Akta ini jika, untuk mendapatkan keuntungan atau selainnya, orang itu—

- (a) merawat atau cuba merawat atau mengaku merawat, mengubati, melegakan atau mencegah apa-apa penyakit, kekurangan atau kesakitan pada gigi atau rahang manusia;
- (b) melakukan atau cuba melakukan apa-apa pembedahan ke atas gigi atau rahang manusia;
- (c) menyelitkan atau cuba menyelitkan apa-apa gigi buatan atau alatan bagi memulihkan, mengatur, atau membaiki gigi atau apa-apa rangka yang berkaitan;
- (d) menjalankan apa-apa kerja radiografi berkaitan dengan gigi atau rahang manusia atau rongga mulut;
- (e) memberikan apa-apa rawatan, nasihat atau layanan kepada mana-mana orang berkaitan dengan memasang atau menyelitkan bagi maksud memasang atau melepaskan gigi buatan atau sesuatu sumbi atau pengikat atau sesuatu alatan bagi memulihkan atau mengatur gigi atau rahang manusia;
- (f) memberikan apa-apa ubat bius berkaitan dengan apa-apa pembedahan atau rawatan sebagaimana yang disebut di atas di bawah subseksyen ini; atau
- (g) mengemukakan dirinya sama ada secara langsung atau secara tidak langsung sebagai menjalankan amalan pergigian.

## BAHAGIAN II

### MAJLIS PERGIGIAN MALAYSIA

#### **Penubuhan dan keanggotaan Majlis**

3. (1) Suatu pertubuhan perbadanan bernama Majlis Pergigian Malaysia yang kekal turun-temurun dengan mempunyai suatu meterai perbadanan ditubuhkan, yang terdiri daripada—

- (a) Ketua Pengarah;
  - (b) Pengarah;
  - (c) (*Dipotong oleh Akta A982*);
  - (d) (*Dipotong oleh Akta A982*);
  - (e) enam orang pakar bedah pergigian dari kalangan kakitangan fakulti pergigian institusi pendidikan tinggi di Malaysia yang hendaklah dilantik oleh Menteri;
  - (ea) enam orang pakar bedah pergigian yang hendaklah dilantik oleh Menteri;
  - (f) enam orang pakar bedah pergigian yang bermastautin di Semenanjung Malaysia yang hendaklah dipilih oleh pakar bedah pergigian yang bermastautin di Semenanjung Malaysia;
  - (g) seorang pakar bedah pergigian yang bermastautin di Sabah yang hendaklah dipilih oleh pakar bedah pergigian yang bermastautin di Sabah;
  - (h) seorang pakar bedah pergigian yang bermastautin di Sarawak yang hendaklah dipilih oleh pakar bedah pergigian yang bermastautin di Sarawak;
  - (i) seorang doktor pergigian yang bermastautin di Semenanjung Malaysia yang hendaklah dipilih oleh doktor pergigian yang bermastautin di Semenanjung Malaysia; dan
  - (j) seorang doktor pergigian yang bermastautin di Sabah atau Sarawak yang hendaklah dipilih oleh doktor pergigian yang bermastautin di Sabah atau Sarawak.
- (2) Tiada seorang pun boleh dinamakan dan dilantik menjadi seorang ahli di bawah perenggan (1)(e) atau (ea) atau dipilih sebagai seorang ahli di bawah mana-mana daripada perenggan (1)(f) hingga (j) melainkan jika orang itu ialah seorang warganegara dan memegang perakuan pengamalan semasa.
- (3) Tiada seorang pun layak memilih seorang ahli melainkan jika orang itu memegang perakuan pengamalan semasa.

(4) Tiada seorang pun boleh berkhidmat sebagai seorang ahli dalam lebih daripada satu jawatan pada satu masa.

(5) Seseorang boleh dinamakan dan dilantik menjadi seorang ahli di bawah perenggan (1)(e) atau (ea) atau dipilih sebagai seorang ahli di bawah mana-mana daripada perenggan 1(f) hingga (j) walaupun dahulunya dia telah menjadi seorang ahli di bawah mana-mana daripada perenggan dalam subseksyen (1) itu.

(6) Ahli-ahli yang disebut dalam perenggan (1)(e) atau (ea) hendaklah dinamakan dan dilantik di bawahnya selama tempoh tidak lebih daripada tiga tahun.

(7) Ahli yang dipilih di bawah perenggan (1)(f) hingga (j) hendaklah memegang jawatan selama tempoh tidak lebih daripada tiga tahun.

(8) Seseorang yang menjadi ahli menurut peruntukan mana-mana daripada perenggan (1)(e) hingga (j) boleh meletakkan jawatannya pada bila-bila masa dengan mengutus surat kepada Yang Dipertua.

(9) Jika seseorang yang menjadi ahli menurut peruntukan mana-mana daripada perenggan (1)(e) hingga (j) mati sebelum tamat tempoh jawatannya, atau meletakkan jawatan, atau berhenti menjadi ahli oleh sebab sesuatu peruntukan Akta ini, seseorang hendaklah dinamakan dan dilantik atau dipilih, mengikut mana-mana yang berkenaan, sebagai gantinya mengikut peruntukan yang terpakai bagi orang yang mati atau meletakkan jawatan atau berhenti menjadi ahli itu bagi baki tempoh jawatan yang orang itu mungkin telah memegang jawatan itu jika dia tidak mati atau tidak meletakkan jawatan atau tidak berhenti menjadi ahli:

Dengan syarat bahawa apabila seseorang ahli yang dipilih di bawah mana-mana daripada perenggan (1)(f) hingga (j) mati atau meletakkan jawatan dalam masa dua belas bulan sebelum tamat tempoh jawatannya, kekosongan bagi baki tempoh jawatan itu hendaklah tidak diisi.

(10) Pemilihan ahli yang disebut dalam perenggan (1)(f) hingga (j) hendaklah dijalankan mengikut cara yang ditetapkan.

(11) Jika mana-mana badan yang disebut dalam perenggan (1)(e) hingga (j) tidak menamakan atau tidak memilih, mengikut

mana-mana yang berkenaan, seseorang menjadi ahli Majlis sebelum atau pada sesuatu tarikh yang ditetapkan, Menteri hendaklah melantik sebagai gantinya seorang yang berkelayakan untuk dinamakan atau dipilih sedemikian, mengikut mana-mana yang berkenaan, dan seseorang yang dilantik sedemikian itu hendaklah disifatkan sebagai seorang ahli seolah-olah dia telah dinamakan atau dipilih, mengikut mana-mana yang berkenaan, dengan sempurnanya oleh badan itu.

(12) (*Dipotong oleh Akta A982*).

(13) Seseorang pengamal tidaklah berkelayakan untuk dinamakan dan dilantik atau dipilih, mengikut mana-mana yang berkenaan, menjadi ahli di bawah mana-mana daripada peruntukan perenggan (1)(e) hingga (j)—

- (a) jika dia telah didapati bersalah oleh mahkamah atas sesuatu kesalahan berkenaan dengan fraud, kecurangan atau keburukan akhlak atau atas sesuatu kesalahan yang boleh dihukum dengan pemerintahan (hukuman pemerintahan sahaja atau sebagai tambahan kepada denda atau sebagai ganti denda) selama lebih daripada dua tahun;
- (b) jika dia seorang bankrap yang belum dilepaskan; atau
- (c) jika pada bila-bila masa namanya telah dipotong daripada Daftar.

(13A) Seseorang pengamal yang namanya telah digantung daripada Daftar atau yang telah dicela di bawah seksyen 33 tidak layak untuk dinamakan dan dilantik atau dipilih atau dilantik, mengikut mana-mana yang berkenaan, di bawah perenggan (1)(e) hingga (j)—

- (a) dalam hal sesuatu penggantungan, bagi tempoh selama enam tahun selepas tamat penggantungan itu; atau
- (b) dalam hal sesuatu celaan, bagi tempoh selama enam tahun dari tarikh celaan itu.

(14) Jika seseorang ahli yang telah dinamakan dan dilantik atau dipilih, mengikut mana-mana yang berkenaan, di bawah

mana-mana daripada peruntukan perenggan (1)(e) hingga (j) tidak lagi berkelayakan untuk dinamakan dan dilantik atau dipilih sedemikian oleh sebab sesuatu peruntukan Akta ini, hendaklah dia disifatkan telah mengosongkan kerusinya.

(15) Jika pada menjalankan bidang kuasa tatatertibnya di bawah Akta, Majlis—

- (a) melantik suatu jawatankuasa untuk menjalankan penyiasatan permulaan; atau
- (b) mengadakan siasatan tatatertib,

berkenaan dengan mana-mana pengamal yang merupakan seorang ahli Majlis, pengamal itu hendaklah digantung.

(16) Penggantungan seseorang ahli Majlis di bawah subseksyen (15) hendaklah, jika penyiasatan permulaan dijalankan, berkuat kuasa dari tarikh bermulanya penyiasatan itu atau, jika siasatan tatatertib diadakan, berkuat kuasa dari tarikh bermulanya siasatan itu.

(17) Jika penyiasatan permulaan dijalankan dan apabila tamat penyiasatan permulaan itu Majlis memutuskan bahawa suatu siasatan tatatertib hendaklah diadakan, tempoh penggantungan seseorang ahli hendaklah diteruskan sehingga tamat siasatan tatatertib itu.

(18) Mana-mana ahli Majlis yang telah digantung di bawah subseksyen (15) atau (16) hendaklah dengan serta-merta dikembalikan sebagai ahli Majlis jika apabila tamat penyiasatan permulaan atau siasatan tatatertib itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, Majlis mendapati bahawa tiada apa-apa kesalahan telah dibuktikan berkenaan dengan ahli itu.

(19) Mana-mana ahli Majlis yang hendak dikembalikan keahliannya menurut subseksyen (18) hendaklah, jika pengembalian itu akan berkuat kuasa sebelum tamat tempoh jawatannya, dikembalikan untuk memegang jawatan bagi bahagian tempoh jawatannya yang belum tamat.

### **Kewajipan dan kuasa Majlis**

4. Majlis hendaklah melaksanakan apa-apa kewajipan dan fungsi dan menjalankan apa-apa kuasa sebagaimana yang

diperuntukkan di bawah Akta ini atau di bawah mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya.

### **Perlindungan Pihak Berkuasa Awam**

5. Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948 [*Akta 198*] hendaklah terpakai bagi apa-apa tindakan, guaman, pendakwaan atau prosiding terhadap Majlis atau terhadap mana-mana ahli, pegawai, pekhidmat atau ejen Majlis mengenai apa-apa perbuatan, pengabaian atau keingkaran yang dibuat atau dilakukan olehnya atas sifatnya yang demikian itu.

### **Pekhidmat awam**

6. Semua ahli Majlis, semasa menjalankan kewajipan sebagai ahli Majlis, hendaklah disifatkan sebagai pekhidmat awam mengikut pengertian Kanun Keseksaan [*Akta 574*].

### **Pemakaian Jadual Pertama**

7. (1) Jadual Pertama hendaklah terpakai bagi Majlis dan prosidingnya.

(2) Menteri boleh dari semasa ke semasa, selepas berunding dengan Majlis, meminda Jadual Pertama dengan perintah yang disiarkan dalam *Warta*.

### **Kuasa Menteri untuk mengeluarkan arahan**

8. Menteri boleh, dari semasa ke semasa, mengeluarkan arahan am yang tidak berlawanan dengan peruntukan Akta ini atau dengan mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya dan Majlis hendaklah melaksanakan arahan itu.

### **Penyata**

9. Majlis hendaklah memberi Menteri semua penyata dan maklumat yang dikehendaki olehnya dari semasa ke semasa berkenaan dengan kegiatannya.

BAHAGIAN III

PENDAFTARAN PENGAMAL  
PERGIGIAN: AMALAN PERGIGIAN

**Pendaftar**

**10.** (1) Bagi maksud Akta ini hendaklah ada seorang Pendaftar Pengamal Pergigian.

(2) Pengarah hendaklah menjadi Pendaftar.

**Daftar Pergigian Malaysia**

**11.** (1) Pendaftar hendaklah menyebabkan supaya disenggarakan dalam bentuk yang ditetapkan suatu daftar pengamal pergigian bernama Daftar Pergigian Malaysia yang hendaklah mengandungi butiran sebagaimana yang ditetapkan.

(2) Pendaftar adalah bertanggungjawab bagi penyenggaraan dan penyimpanan Daftar itu mengikut peruntukan Akta ini dan peraturan-peraturan di bawahnya.

(3) Daftar itu hendaklah disimpan dalam dua Bahagian seperti yang berikut:

(a) Bahagian I ialah yang berkenaan dengan orang yang didaftarkan sebagai pakar bedah pergigian; dan

(b) Bahagian II ialah yang berkenaan dengan orang yang didaftarkan sebagai doktor pergigian.

(4) Daftar itu hendaklah disifatkan sebagai suatu suratan awam mengikut pengertian Akta Keterangan 1950 [Akta 56].

**Orang yang berhak didaftarkan sebagai pakar bedah pergigian**

**12.** (1) Tertakluk kepada peruntukan Akta ini dan peraturan-peraturan di bawahnya, seseorang adalah berhak didaftarkan sebagai seorang pakar bedah pergigian apabila membuat permohonan kepada Pendaftar dalam borang yang ditetapkan jika dia mempunyai mana-mana daripada kelulusan yang dinyatakan dalam ruang ketiga dalam Jadual Kedua yang diberikan oleh

sesuatu institusi yang dinyatakan berhubung dengan kelulusan itu dalam ruang kedua dalam Jadual itu.

(2) Menteri boleh dari semasa ke semasa, selepas berunding dengan Majlis, menambah kepada, memotong daripada atau meminda Jadual Kedua itu dengan perintah yang disiarkan dalam *Warta*.

(3) Walau apa pun peruntukan subseksyen (1) dan tertakluk kepada peruntukan lain dalam Akta ini dan peraturan-peraturan di bawahnya, seseorang yang mempunyai kelulusan dalam pergigian (selain kelulusan yang dinyatakan dalam Jadual Kedua kepada Akta ini) yang disifatkan oleh Menteri sebagai sesuai untuk pendaftaran selepas berunding dengan Majlis (kemudian daripada ini disebut “kelulusan yang diluluskan”), adalah berhak didaftarkan sebagai seorang pakar bedah pergigian di bawah Akta ini jika dia telah memperoleh pengalaman dalam amalan pergigian dengan bekerja dalam amalan pergigian dengan memuaskan hati Ketua Pengarah selama tempoh tidak kurang daripada dua tahun dalam jawatan dalam satu perkhidmatan awam atau lebih yang diputuskan oleh Ketua Pengarah, dari semasa ke semasa, menurut budi bicaranya, dan telah diberi suatu perakuan oleh Ketua Pengarah sebagai keterangan mengenai hal itu.

(4) Tiada seorang pun layak dilantik dalam pekerjaan yang disebut dalam subseksyen (3) jika—

- (a) dia telah pada bila-bila masa didapati bersalah atas sesuatu kesalahan berkenaan dengan fraud, kecurangan atau keburukan akhlak atau atas sesuatu kesalahan yang boleh dihukum dengan penenjaraan (sama ada penenjaraan sahaja atau sebagai tambahan kepada denda atau sebagai ganti denda) selama tempoh dua tahun atau lebih; atau
- (b) dia telah didapati oleh Majlis, selepas menjalankan penyiasatan yang sewajarnya, bersalah kerana berkelakuan buruk dari apa-apa jua segi profesion atau selainnya tidak mempunyai nama dan kelakuan baik, dan apabila penyiasatan itu dijalankan, orang yang dipertuduh atas kelakuan buruk itu adalah berhak hadir di hadapan Majlis dan didengar sendiri atau melalui peguam.

(5) Ketua Pengarah, jika berpuas hati bahawa seseorang yang memegang sesuatu kelulusan yang diluluskan telah mempunyai pengalaman dalam amalan pergigian yang tidak kurang dari segi bidang dan tempoh masa daripada pengalaman yang disebut dalam subseksyen (3), boleh mengecualikan orang itu daripada kehendak tentang pengalaman yang disebut dalam subseksyen (3).

(6) Seseorang yang memegang sesuatu kelulusan yang diluluskan hendaklah disifatkan didaftarkan di bawah Akta ini setakat yang perlu—

- (a) untuk membolehkannya memulai dan menjalankan pekerjaan yang disebut dalam subseksyen (3); dan
- (b) selama tempoh pekerjaan tersebut, bagi maksud mananya undang-undang bertulis atau bagi apa-apa maksud lain, sebagaimana yang diarahkan oleh Menteri dengan perintah yang disiarkan dalam *Warta*,

tetapi tidak bagi apa-apa maksud lain.

(7) Seseorang yang diambil bekerja di bawah subseksyen (3) hendaklah, selama tempoh pekerjaan itu, disifatkan sebagai pekhidmat awam mengikut pengertian Kanun Keseksaan.

(8) Pendaftar hendaklah menyiaran tiap-tiap tahun dalam *Warta* dengan seberapa segera yang boleh selepas satu haribulan Januari setiap tahun, suatu senarai semua orang yang bekerja dalam amalan pergigian di bawah subseksyen (3), bersama dengan kelulusan mereka dan tarikh mereka memulakan pekerjaan itu; dan penyiaran senarai itu hendaklah menjadi keterangan *prima facie* mengenai butiran yang terkandung di dalamnya.

(9) Walau apa pun peruntukan yang berlawanan yang terkandung dalam Akta ini sesiapa pun boleh didaftarkan sebagai seorang pakar bedah pergigian di bawah Akta ini tertakluk kepada apa-apa sekatan dan syarat sebagaimana yang ditetapkan oleh Menteri, dengan syarat bahawa orang yang hendak didaftarkan di bawah seksyen ini mempunyai kelulusan dalam pergigian dan Menteri berpuas hati, selepas berunding dengan Majlis, bahawa kelulusan itu adalah memadai.

**Orang yang berhak didaftarkan sebagai doktor pergigian**

**13.** (1) Tertakluk kepada peruntukan Akta ini dan peraturan-peraturan di bawahnya, seseorang adalah berhak didaftarkan sebagai seorang doktor pergigian di bawah Akta ini apabila membuat permohonan kepada Pendaftar dalam borang yang ditetapkan jika—

- (a) sebaik sebelum Akta ini mula berkuat kuasa dia telah didaftarkan—
  - (i) sebagai seorang doktor pergigian dalam bahagian dua dalam daftar yang disenggarakan di bawah Ordinan Pendaftaran Dentis 1948 Semenanjung Malaysia [*P.T.M. 7 tahun 1948*]; atau
  - (ii) sebagai doktor pergigian menurut perenggan 7(1)(c) dan (d) Ordinan Pendaftaran Dentis Sarawak [*Bab 111*] dalam daftar yang disenggarakan di bawah Ordinan itu; atau
- (b) dia telah sebenar-benarnya bekerja, sebagai mata pencarian tunggalnya, dalam menjalankan amalan pergigian di Negeri Sabah bagi tempoh tiga tahun terus-menerus sebaik sebelum Akta ini mula berkuat kuasa dan dia memuaskan hati Majlis bahawa dia menjalankan amalan pergigian dalam keadaan yang tidak mendatangkan mudarat kepada kesihatan awam, bahawa dia mempunyai pengetahuan yang memadai dalam amalan pergigian, dan bahawa dia seorang yang layak dan sesuai menjalankan amalan pergigian.

(2) Tiap-tiap orang yang memohon untuk didaftarkan di bawah subseksyen (1) hendaklah membuat permohonan pendaftaran dalam masa enam bulan selepas Akta ini mula berkuat kuasa, dan hendaklah memberikan keterangan berkenaan dengan kelakuan baik, yang memuaskan hati Majlis.

**Perakuan pengamalan sementara**

**14.** (1) Walau apa pun peruntukan yang berlawanan yang terkandung dalam Akta ini, Majlis boleh, atas permohonan bertulis, mengeluarkan kepada seseorang yang didaftarkan sebagai pakar bedah pergigian di luar Malaysia suatu perakuan sementara untuk menjalankan amalan sebagai pakar bedah pergigian, tertakluk kepada apa-apa syarat dan sekatan

sebagaimana yang dinyatakan oleh Majlis dalam perakuan itu, selama tempoh tidak lebih daripada tiga bulan.

(2) Pemegang perakuan pengamalan sementara itu hendaklah, semasa perakuan itu masih berkuat kuasa dan tertakluk kepada sekatan dan syarat yang dinyatakan dalam perakuan itu, disifatkan sebagai seorang pakar bedah pergigian berdaftar.

(3) Majlis boleh pada bila-bila masa membatalkan sesuatu perakuan pengamalan sementara yang diberikan di bawah seksyen ini dan apabila dibatalkan, luputlah perakuan itu.

**Keterangan mengenai kelulusan hendaklah diberikan sebelum catatan dibuat di dalam Daftar**

15. (1) Tiada apa-apa ijazah atau kelulusan boleh dicatatkan dalam Daftar, sama ada pada pendaftaran kali pertama atau sebagai tambahan kepada nama berdaftar, melainkan jika Pendaftar berpuas hati mengikut apa-apa keterangan yang difikirkannya patut bahawa orang yang mengaku mempunyai ijazah atau kelulusan itu adalah berhak kepadanya.

(2) Tiap-tiap orang yang didaftarkan di bawah Akta ini yang memperoleh sesuatu kelulusan pergigian, selain kelulusan yang telah membolehkan dia didaftarkan, boleh memohon kepada Majlis supaya Daftar itu dipinda setakat yang berkaitan dengan kelulusan orang itu, dan atas permohonan itu Majlis hendaklah, jika berpuas hati bahawa pemohon itu berhak kepada kelulusan yang berkenaan mengannya permohonan itu dibuat dan bahawa kelulusan itu mempunyai taraf yang mencukupi untuk dicatatkan dalam Daftar, menyebabkan supaya Daftar itu dipinda dengan sewajarnya dengan memasukkan di dalamnya butiran kelulusan itu.

(3) Majlis mempunyai kuasa untuk memutuskan ijazah tinggi dan kelulusan tambahan apakah yang boleh diterima untuk dicatatkan di dalam Daftar.

**Permohonan untuk pendaftaran**

16. (1) Seseorang yang berhak didaftarkan di bawah Akta ini boleh membuat permohonan kepada Pendaftar untuk didaftarkan dengan sewajarnya.

(2) Permohonan untuk didaftarkan itu hendaklah dibuat mengikut apa-apa cara atau borang dan hendaklah disertakan dengan apa-apa suratan, gambar foto, butiran dan bayaran sebagaimana yang ditetapkan oleh Majlis, dan bukti mengenai pengenalan yang memuaskan hati Pendaftar hendaklah juga diberikan.

### **Sekatan ke atas pendaftaran**

**17.** (1) Jika seseorang yang memohon untuk didaftarkan telah—

- (a) didapati bersalah pada bila-bila masa atas sesuatu kesalahan berkenaan dengan fraud, kecurangan atau keburukan akhlak atau atas sesuatu kesalahan yang boleh dihukum dengan pemerintahan (sama ada pemerintahan sahaja atau sebagai tambahan kepada denda atau sebagai ganti denda) selama tempoh dua tahun atau lebih; atau
- (b) didapati oleh Majlis, selepas menjalankan penyiasatan yang sewajarnya bersalah kerana berkelakuan buruk dari apa-apa jua segi profesion atau selainnya tidak mempunyai nama dan kelakuan baik; atau
- (c) didapati oleh panel kajian semula perubatan, yang hendaklah terdiri daripada dua orang pengamal perubatan dan seorang pakar bedah pergigian yang dilantik oleh Majlis, selepas menjalankan penyiasatan yang sewajarnya sebagai tidak layak untuk melaksanakan kewajipan profesionalnya oleh sebab keadaan mental atau fizikalnya,

Majlis boleh mengarahkan Pendaftar supaya tidak memasukkan nama orang itu dalam Daftar.

(2) Pendaftar hendaklah segera memberitahu dengan bertulis orang yang berkenaan itu mengenai arahan Majlis tidak membenarkan nama orang itu dimasukkan dalam Daftar.

(3) Apabila sesuatu penyiasatan dijalankan di bawah perenggan (1)(b), pemohon adalah berhak hadir di hadapan Majlis dan didengar sendiri atau melalui peguam.

### Perakuan pendaftaran

**18.** (1) Apabila seseorang telah didaftarkan, Majlis hendaklah mengeluarkan kepadanya suatu perakuan pendaftaran dalam apa-apa borang sebagaimana yang ditetapkan.

(2) Berkenaan dengan seseorang yang didaftarkan di bawah seksyen 13 suatu gambar foto orang berdaftar itu hendaklah dilekatkan pada perakuan pendaftaran itu.

### Perakuan pengamalan tahunan

**19.** (1) Seseorang berdaftar yang hendak menjalankan amalan sebagai seorang pengamal pergigian selepas tiga puluh satu haribulan Disember dalam sesuatu tahun hendaklah, tidak lewat daripada satu haribulan Disember dalam tahun itu, membuat suatu permohonan dalam borang yang ditetapkan dan hendaklah membayar bayaran yang ditetapkan bagi suatu perakuan untuk menjalankan amalan sebagai seorang pengamal pergigian dalam tahun yang berikutnya.

(2) Apabila menerima permohonan dan bayaran itu, Majlis, jika berpuas hati bahawa premis di mana dan keadaan yang dalamnya pemohon menjalankan amalan pergigian adalah sesuai untuk menjalankan amalan itu, hendaklah mengarahkan Pendaftar supaya mengeluarkan suatu perakuan (bernama "perakuan pengamalan tahunan") yang membenarkan pemohon menjalankan amalan sebagai seorang pengamal pergigian dalam tahun yang baginya perakuan itu dikeluarkan.

(3) Tertakluk kepada peruntukan Akta ini, perakuan pengamalan tahunan itu hendaklah berkuat kuasa sehingga tiga puluh satu haribulan Disember dalam tahun yang baginya perakuan itu dikeluarkan.

(4) Seseorang berdaftar yang tidak memohon perakuan pengamalan tahunan mengikut cara dan dalam tempoh yang ditetapkan dalam subseksyen (1), boleh, apabila membuat permohonan dalam borang dan menjelaskan bayaran tambahan sebagaimana yang ditetapkan, diberi perakuan pengamalan tahunan bagi tahun yang berikutnya, jika permohonan itu dibuat dalam bulan Disember dalam sesuatu tahun, atau bagi baki tahun itu, jika permohonan itu dibuat pada atau selepas satu haribulan Januari dalam sesuatu tahun.

(5) Walau apa pun peruntukan terdahulu dalam seksyen ini, jika seseorang berdaftar memohon perakuan pengamalan tahunan bagi kali pertama selepas memperoleh pendaftaran di bawah seksyen 12 atau seksyen 13, permohonan itu hendaklah dibuat dalam borang yang ditetapkan dan boleh dibuat pada bila-bila masa dalam tahun itu, dan pemohon hendaklah, apabila menjelaskan bayaran yang ditetapkan, diberi perakuan pengamalan tahunan bagi baki tahun yang dalamnya permohonan itu dibuat.

(6) Sesuatu perakuan pengamalan tahunan dan sesuatu permohonan untuk perakuan itu hendaklah menyatakan alamat tempat utama amalan dan semua tempat amalan yang lain bagi pemohon, dan apa-apa jua pertukaran tentang alamat itu hendaklah diberitahukan oleh pengamal kepada Pendaftar dan suatu catatan mengenai pertukaran itu dalam perakuan pengamalan tahunan diperoleh daripada Pendaftar dalam masa tiga puluh hari selepas pertukaran itu.

(7) Jika Majlis berpendapat dengan puas hati bahawa seseorang pengamal pergigian berdaftar adalah menjalankan amalan pergigian di sesuatu premis atau di bawah sesuatu keadaan yang disifatkan oleh Majlis sebagai tidak sesuai untuk menjalankan amalan itu, Majlis boleh mengarahkan supaya perakuan pengamalan tahunan pengamal itu dibatalkan, dan dengan arahan itu, perakuan itu hendaklah terhenti berkuat kuasa dan tiada apa-apa perakuan pengamalan tahunan selanjutnya boleh dikeluarkan kepada pengamal itu sama ada bagi baki tahun itu atau bagi mana-mana tahun lain kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dalam subseksyen (8).

(8) Jika seseorang yang perakuan pengamalan tahunannya telah dibatalkan di bawah subseksyen (7) dan dia membuat permohonan dan membayar bayaran yang ditetapkan, Majlis boleh, selepas menimbangkan hal perkara itu, mengarahkan supaya suatu perakuan pengamalan tahunan dikeluarkan kepada orang itu.

(9) Seseorang pengamal pergigian berdaftar yang menjalankan amalan pergigian dan yang—

- (a) tidak mempunyai perakuan pengamalan tahunan yang berkuat kuasa bagi dirinya;
- (b) berkongsi dengan seseorang berdaftar yang tidak mempunyai perakuan itu;

- (c) ada bekerja dengannya seorang berdaftar yang tidak mempunyai perakuan itu; atau
- (d) diambil kerja untuk menjalankan urusan seseorang pengamal pergigian bagi pihak seseorang yang tidak mempunyai perakuan itu,

adalah melakukan suatu kesalahan terhadap Akta ini dan dia tidak berhak menuntut apa-apa bayaran, upah, pembelanjaan atau kos yang dilakukan semasa dia atau mana-mana orang lain sebagaimana yang disebut terdahulu tidak mempunyai perakuan pengamalan tahunan.

**Penyiaran senarai pengamal pergigian berdaftar yang kepadanya dikeluarkan perakuan pengamalan tahunan**

**20.** (1) Pendaftar hendaklah dengan seberapa segera yang boleh selepas satu haribulan Januari tiap-tiap tahun menyediakan dan menyiarkan dalam *Warta* satu atau beberapa senarai yang mengandungi nama, alamat, kelulusan, tarikh kelulusan, dan tarikh pendaftaran semua orang yang kepadanya perakuan pengamalan tahunan bagi tahun itu telah dikeluarkan.

(2) Penyiaran senarai itu hendaklah menjadi keterangan *prima facie* mengenai butiran yang terkandung di dalamnya.

(3) Ketiadaan nama mana-mana orang daripada senarai itu hendaklah menjadi keterangan *prima facie* bahawa orang itu tidak diberi perakuan pengamalan tahunan dan tidak dibenarkan menjalankan amalan sebagai orang berdaftar.

(4) Perakuan yang ditandatangani oleh Pendaftar mengenai butiran yang terdapat di dalam Daftar berkenaan dengan seseorang adalah menjadi keterangan muktamad mengenai butiran itu.

**Pemberitahuan mengenai pertukaran alamat tetap kediaman atau amalan**

**21.** Tiap-tiap orang berdaftar hendaklah memberitahukan apa-apa jua pertukaran tentang alamat tetap kediaman atau amalannya kepada Pendaftar dalam masa tiga puluh hari selepas pertukaran itu.

**Kuasa Majlis untuk membuat catatan tertentu bersetentangan dengan nama dalam Daftar**

**22.** Jika Majlis berpuas hati bahawa seseorang yang namanya terdapat dalam Daftar telah mati atau tidak lagi menjalankan amalan pergigian di dalam Malaysia, Majlis hendaklah membuat catatan yang sewajarnya bersetentangan dengan namanya dalam Daftar.

**Perhentian pendaftaran**

**23. (1)** Jika—

- (a) Pendaftar berpuas hati bahawa mana-mana orang yang didaftarkan di bawah Akta ini dimasukkan ke atau ditahan di hospital mental di bawah peruntukan mana-mana undang-undang; atau
- (b) mana-mana orang yang didaftarkan di bawah Akta ini telah diperakui oleh panel kajian semula perubatan, yang hendaklah terdiri daripada dua orang pengamal perubatan dan seorang pakar bedah pergigian yang dilantik oleh Majlis, sebagai tidak layak untuk melaksanakan kewajipan profesionalnya oleh sebab keadaan mental atau fizikalnya,

orang itu hendaklah dengan itu terhenti didaftarkan sedemikian, dan suatu catatan hendaklah dibuat dengan sewajarnya bersetentangan dengan namanya dalam Daftar.

(2) Seseorang yang terhenti didaftarkan di bawah Akta ini menurut subseksyen (1) tidak boleh didaftarkan lagi melainkan jika dia membuktikan dan Majlis berpuas hati bahawa keadaan mental atau fizikalnya, mengikut mana-mana yang berkenaan, membenarkan dia didaftarkan lagi.

**Perubahan dalam Daftar**

**24. (1)** Pendaftar hendaklah, dari semasa ke semasa, memasukkan ke dalam Daftar—

- (a) apa-apa jua perubahan yang mungkin diketahui olehnya tentang nama atau alamat seseorang yang didaftarkan di bawah Akta ini;

(b) apa-apa perubahan tentang kelulusan, kelulusan tambahan dan butiran lain yang dikehendaki diubah di bawah Akta ini.

(2) Pendaftar hendaklah, dari semasa ke semasa, memotong daripada Daftar nama sesiapa jua yang dikehendaki dipotong di bawah Akta ini.

**Keistimewaan bagi orang berdaftar dan ketidakupayaan orang yang tidak berdaftar**

**25.** (1) Tiap-tiap orang yang pada masa ini ada namanya di dalam Daftar sebagai berdaftar di bawah Akta ini adalah berhak, mengikut kelulusannya, menjalankan amalan pergigian mengikut peruntukan Akta ini dan menuntut dalam perjalanan undang-undang caj yang munasabah kerana bantuan, nasihat, dan lawatan profesional, pembedahan atau layanan pergigian dan nilai apa-apa perkakas pergigian yang diberikan atau dibuat atau dibekalkan olehnya kepada pesakitnya, dengan syarat bahawa pada masa melakukan perbuatan itu dia mempunyai suatu perakuan pengamalan tahunan yang berkuat kuasa.

(2) Tertakluk kepada seksyen 14, tiada seorang pun berhak menuntut dalam mana-mana mahkamah apa-apa caj yang disebut dalam subseksyen (1) melainkan jika pada tarikh caj itu terakru dia ialah seorang pengamal pergigian berdaftar dan mempunyai perakuan pengamalan tahunan yang berkuat kuasa:

Dengan syarat bahawa subseksyen ini tidak terpakai bagi seseorang pengamal perubatan yang berdaftar penuh di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan pendaftaran pengamal perubatan.

**Perakuan pergigian**

**26.** Tiada perakuan atau suratan lain yang dikehendaki oleh mana-mana undang-undang bertulis supaya ditandatangani oleh seorang pengamal pergigian yang berkelulusan dengan sewajarnya dan yang diberikan selepas Akta ini mula berkuat kuasa boleh menjadi sah melainkan jika ditandatangani oleh seorang doktor pergigian berdaftar.

**Takrif**

**27.** Perkataan “pengamal pergigian yang berkelulusan di sisi undang-undang” atau “pengamal pergigian yang berkelulusan dengan sewajarnya” atau apa-apa perkataan yang bererti seseorang diiktiraf di sisi undang-undang sebagai seorang pengamal pergigian yang berkelulusan hendaklah ditafsirkan sebagai bererti seorang pakar bedah pergigian berdaftar, apabila digunakan dalam mana-mana undang-undang bertulis berkenaan dengan orang itu.

**Pertubuhan perbadanan pergigian**

**28.** (1) Sesuatu pertubuhan perbadanan boleh menjalankan urusan pergigian jika—

- (a) ia tidak menjalankan apa-apa urusan selain pergigian atau sesuatu urusan berkaitan dengan urusan pergigian itu; dan
- (b) semua pengarah dan kakitangan pengendalinya ialah pengamal pergigian berdaftar.

(2) Kecuali sebagaimana yang disebut terdahulu, tidaklah sah bagi mana-mana pertubuhan perbadanan menjalankan apa-apa urusan pergigian, dan jika mana-mana pertubuhan perbadanan menjalankan apa-apa urusan pergigian bersalahan dengan seksyen ini, tiap-tiap pengarah atau pengurusnya adalah melakukan suatu kesalahan di bawah Akta ini melainkan jika dia membuktikan bahawa kesalahan itu telah dilakukan dengan tidak diketahuinya.

(3) Tiap-tiap pertubuhan perbadanan yang menjalankan urusan pergigian hendaklah, dalam tiap-tiap tahun pada masa yang ditetapkan, menghantar kepada Pendaftar suatu pernyataan dalam borang yang ditetapkan yang mengandungi alamat premis dan nama dan alamat semua orang yang menjadi pengarah atau pengurus pertubuhan perbadanan itu, atau yang menjalankan kerja pergigian berkaitan dengan urusan pertubuhan perbadanan itu, dan jika pertubuhan perbadanan itu tidak berbuat demikian, ia hendaklah disifatkan menjalankan urusan pergigian bersalahan dengan seksyen ini.

(4) Tiada apa-apa juga dalam seksyen ini menghalang apa-apa perbuatan yang termasuk dalam pengertian amalan pergigian dilakukan oleh kakitangan pembedahan bagi mana-mana hospital

daripada apa-apa jenis (termasuk sesuatu institusi bagi pesakit-pesakit luar sahaja atau sesuatu dispensari atau sesuatu klinik), atau bagi mana-mana sekolah pergigian, yang diluluskan bagi maksud seksyen ini oleh Majlis.

(5) Seksyen ini tidak terpakai bagi—

- (a) sesuatu pertubuhan perbadanan yang mengadakan rawatan pergigian bagi pekerjanya oleh seseorang pengamal pergigian berdaftar kecuali untuk memperoleh keuntungan;
- (b) sesuatu pihak berkuasa tempatan yang mengadakan perkhidmatan pergigian melalui seseorang pengamal pergigian berdaftar;
- (c) seseorang pemegang amanah dalam kebankrapan yang menjalankan melalui seseorang pengamal pergigian berdaftar urusan pergigian seseorang pengamal pergigian berdaftar yang bankrap;
- (d) pemegang amanah atau wakil diri bagi harta pusaka seseorang pengamal pergigian berdaftar yang mati yang menjalankan urusan pergigian si mati itu melalui seseorang pengamal pergigian berdaftar; atau
- (e) mana-mana pertubuhan perbadanan yang Menteri boleh, selepas berunding dengan Majlis, dengan perintah yang disiarkan dalam *Warta* kecualikan daripada seksyen ini.

#### **Menunjukkan perakuan pendaftaran dan perakuan pengamalan tahunan**

**29.** (1) Tiap-tiap pengamal pergigian berdaftar hendaklah menyebabkan supaya ditunjukkan di suatu tempat yang mudah dilihat di mana-mana premis di mana dia menjalankan amalan pergigian kecuali sebagai seorang pegawai dalam perkhidmatan awam perakuan pendaftaran dan perakuan pengamalan tahunan semasa yang dikeluarkan kepadanya.

(2) Jika seseorang pengamal pergigian berdaftar menjalankan amalan pergigian sebagaimana yang disebut terdahulu di dua alamat atau lebih, dia hendaklah menyebabkan supaya perakuan pendaftaran asalnya dan perakuan pengamalan tahunan semasa asalnya ditunjukkan sebagaimana yang disebut terdahulu di

premis di tempat amalan utamanya dan satu salinan yang diperakui setiap perakuan tersebut di premis di tiap-tiap tempat amalan yang lain itu; salinan-salinan yang diperakui itu hendaklah diperolehnya bagi maksud itu daripada Pendaftar dengan membuat permohonan bertulis mengikut cara yang ditetapkan dan dengan membayar bayaran yang ditetapkan baginya.

(3) Jika seseorang pengamal pergigian berdaftar melanggar atau tidak mematuhi subseksyen (1) atau (2) dia adalah melakukan suatu kesalahan terhadap Akta ini.

(4) Sesiapa yang menunjukkan atau membenarkan ditunjukkan di mana-mana premis sesuatu perakuan pendaftaran atau sesuatu perakuan pengamalan tahunan atau sesuatu salinan yang diperakui bagi mana-mana satu perakuan itu yang mengandungi nama atau gambar fotonya pada bila-bila masa manakala namanya tidak terdapat di dalam Daftar atau manakala dia tidak memegang suatu perakuan pengamalan tahunan yang sah, mengikut mana-mana yang berkenaan, adalah melakukan suatu kesalahan terhadap Akta ini.

**Pengamal yang menjalankan amalan di beberapa tempat hendaklah memberikan butiran pengamal di setiap tempat amalan**

30. Jika seseorang pengamal pergigian menjalankan amalan pergigian di beberapa tempat dia hendaklah memberi Pendaftar nama, alamat, kelulusan dan butir-butir mengenai perakuan pendaftaran dan perakuan pengamalan tahunan semasa dan apa-apa maklumat lain sebagaimana yang ditetapkan berkenaan dengan pengamal pergigian itu di setiap tempat amalan itu, dan jika dia tidak berbuat demikian, dia adalah melakukan suatu kesalahan terhadap Akta ini.

**Pemeriksaan premis yang digunakan bagi amalan pergigian**

31. (1) Maka adalah sah bagi—

- (a) Ketua Pengarah;
- (b) Pengarah;
- (c) pegawai yang bertanggungjawab bagi pentadbiran Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan dalam mana-mana Negeri; atau

(d) mana-mana pihak berkuasa kesihatan awam yang diluluskan oleh Menteri bagi maksud seksyen ini,

melantik pemeriksa bagi maksud Akta ini dan memberi kuasa kepada pemeriksa itu, dengan bertulis—

- (i) untuk memasuki dan memeriksa pada bila-bila masa mana-mana premis yang digunakan atau dimaksudkan untuk digunakan atau yang berkenaan dengannya ada sebab yang munasabah bagi mempercayai bahawa ia sedang digunakan untuk menjalankan amalan pergigian; dan
- (ii) untuk menyiasat dan membuat laporan kepada orang atau pihak berkuasa yang telah melantik mereka mengenai keadaan yang dalamnya amalan pergigian sedang atau dicadangkan hendak dijalankan.

(2) Seseorang pemeriksa yang dilantik itu hendaklah menunjukkan surat kuasa bertulis yang diberikan di bawah subseksyen (1) jika diminta oleh sesiapa, tatkala memasuki atau memeriksa mana-mana premis.

(3) Laporan yang dibuat oleh seseorang pemeriksa di bawah subseksyen (1) hendaklah dibuat dalam borang yang ditetapkan dan hendaklah menjadi kewajipan pihak berkuasa yang telah melantik pemeriksa itu menghantar laporan itu kepada Majlis tidak lewat daripada tiga puluh hari selepas tarikh pemeriksaan itu.

(4) Tiada apa-apa pemeriksaan di bawah Akta ini boleh dijalankan di premis mana-mana pakar bedah pergigian, kecuali dengan kuasa bertulis yang tertentu daripada Yang Dipertua.

(5) Premis yang digunakan bagi amalan pergigian oleh seseorang doktor pergigian berdaftar hendaklah diperiksa sekurang-kurangnya sekali setahun dan tiada apa-apa perakuan pengamalan tahunan boleh dikeluarkan kepada seseorang doktor pergigian berdaftar melainkan jika suatu laporan dalam borang yang ditetapkan telah diterima oleh Pendaftar dalam masa dua belas bulan yang lalu yang menyatakan maksud bahawa premis dan keadaan amalan dentis berdaftar itu adalah memuaskan hati.

(6) Sesiapa yang dengan sengaja menghalang seseorang pegawai pemeriksa yang diberi kuasa dengan sewajarnya

memasuki dan memeriksa premis adalah melakukan suatu kesalahan terhadap Akta ini.

**BAHAGIAN IV**  
**PROSIDING TATATERTIB**

**Bidang kuasa tatatertib Majlis**

**32.** (1) Majlis hendaklah mempunyai bidang kuasa tatatertib ke atas semua orang yang didaftarkan di bawah Akta ini.

(2) Majlis boleh menjalankan bidang kuasa tatatertib ke atas seseorang berdaftar yang—

- (a) telah disabitkan di Malaysia atau di mana-mana tempat lain atas sesuatu kesalahan yang boleh dihukum dengan pemerintahan (sama ada pemerintahan sahaja atau sebagai tambahan kepada denda atau sebagai ganti denda);
- (b) telah bersalah kerana berkelakuan buruk dari apa-apa jua segi profesion;
- (c) telah mendapatkan pendaftaran dengan jalan fraud atau salah nyataan;
- (d) tidak berhak didaftarkan pada masa dia didaftarkan; atau
- (e) namanya telah dikeluarkan daripada daftar pengamal pergigian yang disenggarakan di luar Malaysia, atau daripada daftar mana-mana maktab pergigian atau badan pelesenan yang diiktiraf oleh Majlis.

**Hukuman tatatertib**

**33.** (1) Pada menjalankan bidang kuasa tatatertibnya, Majlis boleh mengenakan mana-mana daripada hukuman yang berikut:

- (a) memerintahkan supaya nama orang berdaftar itu dipotong daripada Daftar;
- (b) memerintahkan supaya nama orang berdaftar itu digantung daripada Daftar selama sesuatu tempoh yang difikirkannya patut;

- (c) memerintahkan supaya orang berdaftar itu dicela; atau
- (d) membuat sesuatu perintah sebagaimana yang disebut terdahulu tetapi menggantung pelaksanaannya, tertakluk kepada apa-apa syarat yang difikirkan patut oleh Majlis, bagi suatu atau beberapa tempoh yang kesemuanya berjumlah tidak lebih daripada dua tahun,

dan boleh, dalam sesuatu hal, membuat apa-apa perintah yang difikirkan patut oleh Majlis berkenaan dengan pembayaran kos Pendaftar dan kos seseorang pengadu atau kos orang berdaftar itu, dan apa-apa kos yang diawardkan boleh dituntut sebagai hutang sivil.

(2) Jika nama seseorang berdaftar diperintahkan oleh Majlis supaya dipotong atau digantung daripada Daftar, orang itu hendaklah dalam masa lima hari selepas perintah itu dibuat menyerahkan kepada Pendaftar perakuan pengamalan tahunan semasanya termasuk mana-mana perakuan pengamalan tahunan yang baharu yang mungkin telah diperoleh daripada Pendaftar dan juga perakuan pendaftarnya:

Dengan syarat bahawa jika orang itu atau peguamnya tidak hadir di hadapan Majlis pada masa perintah itu dibuat, Pendaftar hendaklah memberitahukan orang itu dengan bertulis, tentang perintah yang dibuat oleh Majlis dan meminta dalam notis itu supaya orang itu menyerahkan kepadanya perakuan pendaftarnya dan perakuan pengamalan tahunan semasanya termasuk mana-mana perakuan pengamalan tahunan yang baharu yang mungkin telah diperoleh daripada Pendaftar dalam masa tujuh hari selepas notis itu diserahkan di alamat berdaftarnya, atau di alamatnya yang akhir diketahui jika alamat itu berbeza daripada alamat berdaftarnya dan jika pada pendapat Pendaftar penyampaian secara itu akan lebih berkesan.

(3) Jika orang berdaftar itu tidak menyerahkan perakuan pengamalan semasanya termasuk mana-mana perakuan pengamalan tahunan yang baharu yang mungkin telah diperolehnya daripada Pendaftar dan juga perakuan pendaftarnya dalam masa yang diperuntukkan dalam subseksyen (2), dia adalah melakukan suatu kesalahan terhadap Akta ini.

(4) Pendaftar hendaklah menyiarkan dalam *Warta* nama orang yang dikeluarkan daripada Daftar atau digantung daripada menjalankan amalan di bawah seksyen ini sama ada—

- (a) apabila tamat tempoh satu bulan yang ditetapkan dalam seksyen 34, jika orang itu tidak membuat rayuan terhadap keputusan Majlis itu; atau
- (b) sebaik selepas keputusan dibuat oleh Mahkamah Tinggi yang menyokong keputusan Majlis itu, jika orang itu membuat rayuan terhadap keputusan Majlis, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(5) Tiada seorang pun yang namanya telah dikeluarkan daripada Daftar di bawah seksyen ini berhak kemudiannya memohon supaya didaftarkan sebagai seorang pengamal pergigian di bawah peruntukan Akta ini, tetapi Majlis boleh, jika difikirkannya patut dalam sesuatu hal, atas permohonan orang yang berkenaan itu, memerintahkan supaya nama orang itu dimasukkan semula ke dalam Daftar; dan jika nama orang itu telah digantung daripada Daftar selama tempoh yang terhad sahaja, orang itu adalah berhak selepas tamat tempoh itu, tetapi tidak terdahulu daripada itu, memohon supaya perakuan pendaftaran dan perakuan pengamalan tahunan (jika tempoh yang baginya ia dikeluarkan masih belum tamat) dikembalikan kepadanya.

(6) Sesuatu permohonan di bawah subseksyen (5) hendaklah dibuat mengikut cara atau borang dan disertakan dengan apa-apa suratan, gambar foto, butiran dan bayaran sebagaimana yang ditetapkan.

### **Rayuan terhadap perintah atau keputusan Majlis**

**34.** (1) Seseorang yang terkilan dengan sesuatu perintah yang dibuat berkenaan dengannya oleh Majlis pada menjalankan bidang kuasa tatatertibnya atau dengan sesuatu keputusan Majlis dalam prosiding yang berhubungan dengannya di bawah subseksyen 12(4) atau subseksyen 17(1) atau subseksyen 33(1) atau dengan pengeluaran namanya daripada Daftar di bawah mana-mana daripada peruntukan Akta ini kecuali Bahagian VII atau dengan apa-apa keengganinan atau kegagalan Majlis mendaftarkan atau memasukkan semula namanya ke dalam Daftar (melainkan jika pengeluaran, keengganinan atau kegagalan itu disebabkan oleh kegagalan orang itu mendapatkan sesuatu perakuan pengamalan atau disebabkan oleh pembatalan perakuan itu) boleh merayu kepada Mahkamah Tinggi, dan Mahkamah

Tinggi boleh, apabila rayuan itu dibuat, mengesahkan, mengakaskan atau mengubah perintah atau keputusan yang dirayu itu atau boleh memberikan apa-apa arahan yang difikirkannya patut dalam perkara itu; kos rayuan itu hendaklah terpulang kepada budi bicara Mahkamah Tinggi.

(2) Keputusan Mahkamah Tinggi atas rayuan itu adalah muktamad.

(3) Tatacara yang berhubungan dengan sesuatu rayuan itu hendaklah tertakluk kepada kaedah-kaedah mahkamah yang terpakai di Mahkamah Tinggi:

Dengan syarat bahawa Mahkamah Tinggi tidak mempunyai kuasa untuk mendengar rayuan terhadap sesuatu perintah yang dibuat di bawah seksyen 33 melainkan jika notis mengenai rayuan itu telah diberikan dalam masa satu bulan dari tarikh perintah itu dibuat atau, jika proviso kepada subseksyen 33(2) terpakai, dalam masa satu bulan selepas perintah itu disampaikan sebagaimana yang dinyatakan dalam proviso itu.

(4) Sesiapa yang terkilan dengan keengganan Majlis untuk mengeluarkan kapadanya suatu perakuan pengamalan tahunan atau dengan pembatalan perakuan pengamalan tahunannya boleh merayu kepada Menteri dan keputusan Menteri adalah muktamad, dan tiada apa-apa tindakan atau prosiding boleh dikekalkan dalam mana-mana mahkamah berkenaan dengan keengganan atau pembatalan itu.

## BAHAGIAN V

### AM

#### **Pendaftaran fraud**

**35.** Tiap-tiap orang yang mendapatkan atau cuba mendapatkan dengan cara fraud supaya dirinya atau mana-mana orang lain didaftarkan dengan membuat atau mengemukakan, atau menyebabkan dibuat atau dikemukakan, sesuatu pernyataan atau akuan palsu atau fraud, sama ada secara lisan atau bertulis, adalah melakukan suatu kesalahan terhadap Akta ini.

**Kesalahan**

**36.** (1) Seseorang yang tidak didaftarkan atau tidak dikecualikan daripada pendaftaran di bawah Akta ini yang—

- (a) bersengaja dan secara palsu berpura-pura sebagai didaftarkan di bawah Akta ini atau sebagai berkelulusan untuk menjalankan amalan pergigian;
- (b) bersengaja dan secara palsu memakai atau menggunakan nama atau gelaran doktor pergigian, pakar bedah pergigian, doktor pergigian berkelulusan, doktor pembedahan pergigian, profesor pergigian, pakar bedah gigi;
- (c) bersengaja dan secara palsu memakai atau menggunakan sesuatu nama, gelaran, tambahan atau perihalan yang memberi faham bahawa dia adalah didaftarkan di bawah Akta ini, atau bahawa dia diiktiraf di sisi undang-undang sebagai seorang doktor pergigian atau pakar bedah pergigian atau bahawa dia berkelulusan untuk mengubat atau merawat sakit gigi sama ada dengan cara ilmu pergigian atau dengan apa-apa cara lain;
- (d) bersengaja dan secara palsu memakai atau menggunakan sesuatu nama, gelaran, tambahan atau perihalan, atau menggunakan sesuatu alat, yang dimaksudkan untuk mendorong seseorang mempercayai bahawa dia berkelulusan untuk menjalankan amalan pergigian;
- (e) menjalankan amalan pergigian;
- (f) menggunakan perkataan “klinik gigi” atau “dispensari gigi” atau “hospital gigi” atau sesuatu perkataan yang bersamaan dengan perkataan ini dalam sesuatu bahasa lain pada papan tanda di tempat amalannya dengan berupa sebagai menjalankan amalan pergigian sebagai seorang yang didaftarkan di bawah Akta ini; atau
- (g) menggunakan sesuatu simbol yang direka bentuk oleh Majlis untuk kegunaan pengamal pergigian berdaftar sahaja,

adalah melakukan suatu kesalahan terhadap Akta ini.

(2) Bagi maksud subseksyen (1)—

- (a) pemakaian atau penggunaan oleh seseorang perkataan “pakar bedah pergigian” atau “doktor pergigian berkelulusan” atau “doktor pembedahan pergigian” atau “profesor pergigian” atau “pakar bedah gigi” atau “doktor pergigian” atau “klinik gigi” atau “dispensari gigi” atau sesuatu perkataan yang bersamaan dengan perkataan ini dalam sesuatu bahasa lain berhubung dengan menjalankan amalan pergigian hendaklah disifatkan sebagai pemakaian atau penggunaan sesuatu nama, gelaran, tambahan atau perihalan yang dimaksudkan untuk mendorong seseorang mempercayai bahawa dia berkelulusan untuk menjalankan amalan pergigian melainkan jika dibuktikan sebaliknya;
- (b) penggunaan oleh seseorang dalam menjalankan amalan pergigian apa-apa alat atau bahan pergigian yang digunakan khusus oleh orang-orang yang berkelulusan untuk menjalankan amalan pergigian hendaklah disifatkan sebagai penggunaan sesuatu alat yang dimaksudkan untuk mendorong seseorang mempercayai bahawa dia berkelulusan untuk menjalankan amalan pergigian melainkan jika dibuktikan sebaliknya;
- (c) jika mana-mana orang, selain seorang pengamal pergigian atau seorang pengamal perubatan, atau seorang peniaga perkakas dan alat perubatan dan pergigian, ada dalam milikannya mana-mana satu atau lebih daripada alat dan perkakas yang berikut yang biasanya digunakan dalam amalan pergigian iaitu kerusi pergigian, ketur pergigian, enjin pergigian, picagari pergigian, sepit pergigian, cermin pergigian, atau suatu prob pergigian, dia hendaklah disifatkan sebagai bersengaja dan secara palsu berpura-pura sebagai didaftarkan di bawah Akta ini dan sebagai berkelulusan untuk menjalankan amalan pergigian.

**Larangan amalan pergigian oleh orang yang tidak berdaftar**

**37.** (1) Tertakluk kepada subseksyen 38(4) tiada seorang pun, selain pengamal pergigian berdaftar, boleh menjalankan amalan pergigian:

Dengan syarat bahawa tiada apa-apa dalam seksyen ini boleh berkuat kuasa melarang pengamal perubatan berdaftar dan orang lain dalam perkhidmatan awam yang bekerja terus di bawah perintah dan penyeliaan seseorang pakar bedah pergigian berdaftar, daripada mencabut gigi untuk melegakan sakit atau daripada menggunakan ubat-ubat bagi maksud itu.

(2) Mana-mana orang yang melakukan perbuatan bersalahan dengan seksyen ini melakukan suatu kesalahan terhadap Akta ini.

### **Berselindung**

**38.** (1) Mana-mana pengamal pergigian berdaftar yang membenarkan seseorang yang tidak berdaftar menjalankan amalan pergigian di premis yang digunakan oleh atau di bawah kawalan pengamal pergigian berdaftar itu dalam menjalankan tugas profesionalnya melakukan suatu kesalahan terhadap Akta ini.

(2) Mana-mana pengamal pergigian berdaftar yang dengan kehadirannya, sokongannya, nasihatnya, pertolongannya, atau kerjasamanya telah dengan diketahuinya membolehkan seseorang yang tidak berdaftar, sama ada dikatakan sebagai seorang pembantu atau selainnya, menjalankan amalan pergigian, melakukan suatu kesalahan terhadap Akta ini.

(3) Mana-mana pengamal pergigian berdaftar yang menjalankan amalan pergigian di premis yang di dalamnya seseorang tidak berdaftar menjalankan amalan pergigian yang diketahui oleh pengamal pergigian berdaftar itu melakukan suatu kesalahan terhadap Akta ini.

(4) Tiada apa-apa dalam seksyen ini boleh berkuat kuasa melarang seseorang dalam perkhidmatan awam yang diambil bekerja bagi maksud menjalankan amalan pergigian daripada menjalankan tatacara yang termasuk dalam pengertian menjalankan amalan pergigian jika tatacara itu dijalankan dalam masa orang itu bekerja dan di bawah penyeliaan seorang pakar bedah pergigian dalam perkhidmatan awam.

### **Penalti bagi doktor pergigian berdaftar yang memperihalkan kerjaya secara palsu**

**39.** Seseorang doktor pergigian berdaftar atau yang disifatkan sebagai berdaftar di bawah seksyen 13 tidak boleh menggunakan

dalam memperihalkan kerjayanya apa-apa perkataan selain perkataan “doktor pergigian berdaftar”. Mana-mana doktor pergigian berdaftar sedemikian yang bersengaja atau secara palsu berpura-pura sebagai atau memakai atau menggunakan nama atau gelaran pakar bedah pergigian, pakar bedah gigi, doktor pergigian berkelulusan, doktor pembedahan pergigian, profesor pergigian atau apa-apa nama, gelaran, atau perihalan yang sendirinya atau dalam keadaan perkataan itu digunakan memberi faham bahawa doktor pergigian berdaftar itu mempunyai atau memegang sesuatu kelulusan untuk menjalankan amalan selain amalan yang dia didaftarkan sebagai seorang doktor pergigian berdaftar adalah melakukan suatu kesalahan terhadap Akta ini.

### **Pendakwaan**

**40.** (1) Pendakwaan bagi sesuatu kesalahan terhadap Akta ini boleh dibawa oleh—

- (a) Yang Dipertua atau seseorang pegawai yang dilantik olehnya atau oleh Majlis bagi maksud itu dengan bertulis;
- (b) pegawai yang bertanggungjawab bagi pentadbiran perkhidmatan perubatan dan kesihatan dalam sesuatu Negeri atau seseorang pegawai yang dilantik olehnya bagi maksud itu dengan bertulis; atau
- (c) pihak berkuasa kesihatan awam yang disebut dalam perenggan 31(1)(d) atau seseorang pegawai yang dinamakan oleh pihak berkuasa itu bagi maksud itu dengan bertulis.

(2) Berkenaan dengan sesuatu kesalahan terhadap seksyen 37, mana-mana pegawai polis boleh menangkap tanpa waran mana-mana orang yang, sebagai orang yang bukan seorang pakar bedah pergigian atau doktor pergigian berdaftar, menjalankan amalan atau dipercayai menjalankan amalan pergigian di mana-mana jalan atau tempat awam.

### **Pengecualian**

**41.** (1) Tiada apa-apa juga dalam Akta ini boleh berkuat kuasa melarang seseorang pengamal perubatan yang didaftarkan di

bawah mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan pendaftaran pengamal perubatan daripada menjalankan amalan perubatan atau pembedahan.

(2) Tiada apa-apa jua dalam Akta ini boleh berkuat kuasa melarang jururawat pergigian daripada diberi latihan amalan pergigian di bawah penyeliaan seseorang pakar bedah pergigian berdaftar di sesuatu hospital, klinik, atau sekolah pergigian yang diluluskan bagi maksud itu oleh Menteri.

(3) Walau apa pun apa-apa jua yang berlawanan yang terkandung dalam Akta ini, adalah sah di sisi undang-undang bagi seseorang yang mengikuti sesuatu kursus pengajian pergigian atau pembedahan pergigian di mana-mana Universiti atau Kolej Universiti yang ditubuhkan mengikut Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 [*Akta 30*], untuk menjalankan, pada mengikuti kursus pengajian itu, apa-apa penyiasatan pergigian, pemeriksaan pergigian atau perawatan pergigian mengenai pesakit-pesakit dalam mana-mana hospital, klinik, pusat kesihatan, atau institusi lain yang diluluskan oleh Menteri bagi maksud-maksud seksyen ini melalui pemberitahuan dalam *Warta*, dengan syarat penyiasatan, pemeriksaan atau perawatan itu dijalankan oleh orang itu di bawah kawalan dan penyeliaan seorang pakar bedah pergigian berdaftar yang memegang suatu perakuan pengamalan tahunan semasa yang sah.

(4) Hospital, klinik, pusat kesihatan, atau institusi lain yang diluluskan oleh Menteri di bawah subseksyen (3), atau pemunyanya, tidaklah bertanggungan bagi apa-apa bencana, kerugian atau kerosakan daripada jenis sivil yang berlaku kepada mana-mana pesakit atau orang lain semata-mata oleh sebab apa-apa penyiasatan, pemeriksaan atau perawatan mengenai seorang pesakit di bawah subseksyen (3) yang dijalankan oleh seseorang yang mengikuti sesuatu kursus pengajian pergigian atau pembedahan pergigian dalam sesuatu Universiti atau Kolej Universiti yang ditubuhkan mengikut Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971, dengan syarat bahawa tiada apa-apa jua pun yang terkandung dalam subseksyen ini boleh ditafsirkan sebagai memberi orang yang mengikuti kursus pengajian itu, atau Universiti atau Kolej Universiti yang di dalamnya orang itu sedang mengikuti kursus pengajian itu atau mana-mana pegawai atau pekerja Universiti atau Kolej Universiti itu, apa-apa kekebalan daripada apa-apa tanggungan bagi bencana, kerugian atau kerosakan itu.

### Penalti am

**42.** (1) Sesiapa yang bersalah atas sesuatu kesalahan terhadap Akta ini yang baginya tiada penalti tertentu diperuntukkan boleh, apabila disabitkan, dikenakan—

- (a) bagi kesalahan kali pertama, denda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit; dan
- (b) bagi kesalahan kali kedua atau kemudian, denda tidak melebihi dua puluh ribu ringgit atau pemerintahan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

(2) Berkenaan dengan sesuatu kesalahan yang berterusan orang itu boleh dikenakan penalti selanjutnya sebanyak lima puluh ringgit bagi setiap hari kesalahan itu berterusan sebagai tambahan kepada penalti di bawah perenggan (1)(a) dan (b) itu masing-masing.

### BAHAGIAN VI

#### PERATURAN-PERATURAN, KECUALIAN DAN PEMANSUHAN

### Peraturan-peraturan

**43.** (1) Tertakluk kepada peruntukan Akta ini, Majlis boleh, dengan kelulusan Menteri, membuat peraturan-peraturan bagi menetapkan apa-apa jua yang dikehendaki ditetapkan di bawah Akta ini, dan, pada amnya, bagi melaksanakan tujuan dan maksud Akta ini.

(2) Khususnya dan dengan tidak menyentuh keluasan kuasa yang disebut terdahulu, peraturan-peraturan itu boleh menetapkan—

- (a) kewajipan Pendaftar;
- (b) bentuk Daftar, cara bagaimana ia disenggarakan dan juga kandungannya;
- (c) bayaran yang hendaklah dibayar mengenai permohonan dan prosiding di bawah Akta ini dan mengenai perakuan dan suratan lain yang dikeluarkan di bawah Akta ini dan mengadakan peruntukan bagi

- apa-apa pengecualian daripadanya sebagaimana yang difikirkan patut oleh Majlis;
- (d) borang dan cara bagaimana permohonan untuk pendaftaran dan untuk perakuan pengamalan tahunan hendaklah dibuat;
  - (e) bentuk bagi sesuatu perakuan atau suratan lain yang dikehendaki bagi melaksanakan maksud Akta ini;
  - (f) cara membuktikan kelulusan dalam pergigian;
  - (g) pengurusan harta Majlis dan pengauditan akaunnya;
  - (h) kewajipan yang hendaklah dijalankan oleh Setiausaha;
  - (i) pengeluaran perakuan pergigian mengenai sakit gigi;
  - (j) tatacara berkenaan dengan pemilihan ahli Majlis;
  - (k) cara bagaimana Majlis mendapatkan nasihat undang-undang, hal mengadakan penasihat undang-undang bagi Majlis, kelulusan dan fungsi penasihat undang-undang itu dan saraan yang hendaklah dibayar kepada mereka;
  - (l) penerimaan aduan atau maklumat mengenai sesuatu perkara tatatertib yang boleh disiasat oleh Majlis dan penubuhan suatu Jawatankuasa bernama Jawatankuasa Penyiasatan Permulaan untuk menjalankan suatu penyiasatan permulaan berkenaan dengan aduan atau maklumat mengenai sesuatu perkara tatatertib yang boleh disiasat oleh Majlis dan untuk memutuskan sama ada atau tidak suatu siasatan patut diadakan oleh Majlis;
  - (m) larangan terhadap seseorang ahli Jawatankuasa Penyiasatan Permulaan itu, yang juga menjadi seorang ahli Majlis, daripada menghadiri sesuatu mesyuarat Majlis tatkala Majlis menjalankan penyiasatan berkenaan dengan sesuatu aduan atau maklumat, yang dalamnya dia telah mengambil bahagian dalam penyiasatan permulaannya; dan
  - (n) tatacara yang hendaklah diikuti berhubung dengan—

- (i) mengemukakan aduan dan maklumat kepada Jawatankuasa Penyiasatan Permulaan;
- (ii) penyiasatan permulaan mengenai apa-apa aduan atau maklumat oleh Jawatankuasa Penyiasatan Permulaan;
- (iii) membentuk pertuduhan yang berbangkit daripada aduan dan maklumat;
- (iv) rujukan kepada Majlis oleh Jawatankuasa Penyiasatan Permulaan kes yang berbangkit daripada aduan dan maklumat;
- (v) siasatan tatatertib yang diadakan oleh Majlis.

### Kecualian

**44.** (1) Tiap-tiap orang yang sebaik sebelum mula berkuat kuasa Akta ini telah—

- (a) didaftarkan di bawah Ordinan Pendaftaran Dentis 1948 Semenanjung Malaysia ; atau
- (b) didaftarkan di bawah Ordinan Pendaftaran Dentis Sarawak; atau
- (c) diambil kerja di Sabah oleh Kerajaan Malaysia atau Kerajaan Negeri Sabah sebagai seorang Pegawai Pergigian,

dan mempunyai satu kelulusan atau lebih yang dinyatakan dalam Jadual Kedua hendaklah, apabila Akta ini mula berkuat kuasa, disifatkan sebagai seorang pakar bedah pergigian berdaftar di bawah Akta ini dan hendaklah disifatkan mempunyai perakuan pengamalan tahunan bagi baki tahun Akta ini mula berkuat kuasa, kecuali bahawa mengenai seseorang yang baginya perenggan (a) atau (b) terpakai orang itu hendaklah disifatkan mempunyai perakuan itu hanya jika ada berkuat kuasa mengenainya sebaik sebelum Akta ini mula berkuat kuasa suatu perakuan pengamalan tahunan yang dikeluarkan di bawah Ordinan Pendaftaran Dentis 1948 Semenanjung Malaysia atau Ordinan Pendaftaran Dentis Sarawak, mengikut mana-mana yang berkenaan, atau jika dia telah dikecualikan daripada memperoleh suatu perakuan pengamalan tahunan menurut peruntukan mana-mana satu daripada Ordinan tersebut yang terpakai berkenaan dengannya:

Dengan syarat bahawa berkenaan dengan seseorang pengamal pergigian yang sebaik sebelum Akta ini mula berkuat kuasa dikecualikan daripada pendaftaran menurut perenggan 24(a) Ordinan Pendaftaran Dentis Sarawak, dia berhak apabila membuat permohonan kepada Pendaftar untuk didaftarkan sebagai seorang pakar bedah pergigian di bawah Akta ini tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat sebagaimana yang diarahkan oleh Majlis.

(2) Tiap-tiap orang yang sebaik sebelum Akta ini mula berkuat kuasa telah menjalankan pekerjaan di bawah subseksyen 5A(1) Ordinan Pendaftaran Dentis 1948 Semenanjung Malaysia hendaklah disifatkan menjalankan pekerjaan itu di bawah subseksyen 12(3) Akta ini; dan apa-apa tempoh pekerjaan yang dijalani oleh seseorang di bawah subseksyen 5A(1) yang tersebut itu hendaklah disifatkan telah dijalani di bawah subseksyen 12(3) yang tersebut itu.

(3) Tiap-tiap orang yang sebaik sebelum Akta ini mula berkuat kuasa telah didaftarkan di bawah peruntukan seksyen 5B Ordinan Pendaftaran Dentis 1948 Semenanjung Malaysia hendaklah disifatkan didaftarkan di bawah subseksyen 12(9) Akta ini tertakluk kepada sekatan dan syarat yang ditentukan di bawah seksyen 5B yang tersebut itu.

### **Pemansuhan**

**45.** Ordinan Pendaftaran Dentis 1948 Semenanjung Malaysia dan Ordinan Pendaftaran Dentis Sarawak dengan ini dimansuhkan.

### **BAHAGIAN VII**

#### **PERUNTUKAN TAMBAHAN BAGI MAKSUD NEGARA**

### **Maksud, pemulaan kuat kuasa dan tempoh Bahagian ini**

**46.** (1) Bahagian ini diperbuat bagi maksud negara.

(2) Bahagian ini hendaklah terhenti berkuat kuasa jika Parlimen, melalui ketetapan yang diluluskan oleh setiap Majlis Parlimen dan disiarkan dalam *Warta*, memperuntukkan bahawa Bahagian ini tidak akan berkuat kuasa lagi.

**Notis kepada orang berdaftar supaya berkhidmat sebagai pegawai pergigian dalam perkhidmatan awam**

**47.** (1) Tiap-tiap orang yang memperoleh pendaftaran di bawah seksyen 12 boleh, sebaik sahaja dia didaftarkan sedemikian atau pada bila-bila masa selepas itu, disampaikan kepadanya suatu notis bertulis yang dikeluarkan oleh atau bagi pihak Ketua Pengarah yang menghendaki orang itu supaya memegang jawatan sebagai pegawai pergigian dalam apa-apa jawatan dalam mana-mana perkhidmatan awam dan pada apa-apa tarikh, dalam setiap hal ini, sebagaimana yang dinyatakan dalam notis itu.

(2) Seseorang yang disampaikan kepadanya suatu notis di bawah subseksyen (1) hendaklah mematuhi notis itu dan jika dia tidak berbuat demikian dia melakukan suatu kesalahan di bawah Akta ini.

(3) Sebaik sahaja suatu pertuduhan di bawah subseksyen (2) atau di bawah seksyen 48 dibuktikan dalam mahkamah terhadap mana-mana orang, pendaftaran orang itu di bawah seksyen 12 hendaklah disifatkan sebagai terbatal, dan Pendaftar hendaklah memotong nama orang itu daripada Daftar.

(4) Jika nama seseorang dipotong daripada Daftar di bawah subseksyen (3), nama orang itu tidak boleh dimasukkan semula ke dalam Daftar kecuali atas arahan yang diberikan oleh Menteri, dan Menteri boleh memberikan arahan sedemikian apabila permohonan bertulis dibuat kepadanya oleh orang yang namanya telah dipotong daripada Daftar.

(5) Apa-apa arahan yang diberikan oleh Menteri di bawah subseksyen (4) berkenaan dengan mana-mana orang boleh dijadikan tertakluk kepada penunaian apa-apa terma dan syarat yang difikirkan oleh Menteri patut dikenakan, dan terma dan syarat itu boleh termasuk terma dan syarat yang menghendaki orang itu berkhidmat sebagai pegawai pergigian dengan memuaskan hati Ketua Pengarah selama suatu tempoh terus-menurus yang berjumlah tidak kurang daripada tiga tahun dalam apa-apa jawatan dalam mana-mana satu perkhidmatan awam atau lebih sebagaimana yang ditentukan dari semasa ke semasa oleh Ketua Pengarah menurut budi bicaranya.

(6) Semasa orang yang namanya dimasukkan semula di bawah subseksyen (4) menunaikan terma dan syarat yang dikenakan di bawah subseksyen (5) dia hendaklah disifatkan didaftarkan

setakat yang perlu untuk menunaikan terma dan syarat yang dikenakan di bawah subseksyen (5) dan bagi apa-apa maksud lain sebagaimana yang diarahkan oleh Menteri, tetapi tidak lebih daripada itu; dan apabila terma dan syarat yang dikenakan di bawah subseksyen (5) telah ditunaikan, dia adalah berhak mendapatkan suatu perakuan yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah sebagai keterangan mengenai penunaian itu.

(7) Keputusan Menteri atas sesuatu permohonan yang dibuat kepadanya di bawah subseksyen (4) supaya dimasukkan semula sesuatu nama ke dalam Daftar adalah muktamad dan tidak boleh dipersoalkan atau dikaji semula dalam mana-mana mahkamah.

(8) Jika sesuatu notis di bawah subseksyen(1) telah disampaikan kepada mana-mana orang yang boleh disampaikan kepadanya notis itu, Ketua Pengarah boleh, pada bila-bila masa membatalkan notis itu dan, jika difikirkannya patut, menyebabkan supaya disampaikan kepada orang itu suatu notis selanjutnya di bawah subseksyen (1).

**Tempoh perkhidmatan menurut notis di bawah subseksyen 47(1)**

**48.** Seseorang yang mula berkhidmat dalam sesuatu jawatan dalam sesuatu perkhidmatan awam menurut notis yang dikeluarkan di bawah subseksyen 47(1), hendaklah terus berkhidmat dalam jawatan itu atau dalam apa-apa jawatan kemudiannya yang lain dalam perkhidmatan awam yang sama atau dalam mana-mana perkhidmatan awam yang lain sebagaimana yang ditentukan dari semasa ke semasa oleh Ketua Pengarah menurut budi bicaranya selama suatu tempoh terus-menerus yang berjumlah tidak kurang daripada tiga tahun dengan memuaskan hati Ketua Pengarah dan jika dia tidak berbuat demikian dia melakukan suatu kesalahan di bawah Akta ini.

**Kuasa Menteri untuk memberikan pengurangan, pengecualian atau penangguhan tempoh perkhidmatan di bawah seksyen 48**

**49.** (1) Menteri boleh, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*—

- (a) berkenaan dengan mana-mana orang tertentu;

- (b) secara am berkenaan dengan mana-mana golongan orang dalam apa-apa tempoh sebagaimana yang dinyatakan olehnya;
- (c) secara am berkenaan dengan semua orang dalam apa-apa tempoh sebagaimana yang dinyatakan olehnya,

memberikan apa-apa pengurangan yang difikirkannya sesuai atau pengecualian penuh daripada tempoh perkhidmatan yang dikehendaki di bawah seksyen 48.

(2) Menteri boleh, apabila permohonan bertulis dibuat kepadanya oleh mana-mana orang yang kena menjalani tempoh perkhidmatan yang dikehendaki di bawah seksyen 48, memberi orang itu penangguhan daripada memulakan perkhidmatan itu selama apa-apa tempoh yang difikirkannya sesuai jika dia berpuas hati bahawa adalah adil dan munasabah untuk berbuat demikian.

(3) Keputusan Menteri atas sesuatu permohonan yang dibuat kepadanya di bawah subseksyen (2) adalah muktamad dan tidak boleh dipersoalkan atau dikaji semula dalam mana-mana mahkamah.

### **Menteri boleh membuat kaedah-kaedah**

**50.** Menteri boleh membuat kaedah-kaedah bagi melaksanakan tujuan dan maksud Bahagian ini.

---

#### **JADUAL PERTAMA**

[Seksyen 7]

#### **PERUNTUKAN TAMBAHAN YANG BERHUBUNGAN DENGAN MAJLIS**

##### **Yang Dipertua Majlis**

1. (1) Ketua Pengarah hendaklah menjadi Yang Dipertua Majlis.
- (2) Yang Dipertua, jika hadir, hendaklah menjadi Pengerusi dalam mesyuarat Majlis:

Dengan syarat bahawa jika Yang Dipertua tidak hadir dalam sesuatu mesyuarat Majlis, ahli yang hadir dalam mesyuarat itu hendaklah memilih seorang dari kalangan mereka untuk bertindak sebagai pengurus mesyuarat itu.

#### **Mesyuarat Majlis**

2. (1) Majlis hendaklah bermesyuarat pada masa dan di tempat sebagaimana yang ditetapkan oleh Yang Dipertua, dengan syarat bahawa sekurang-kurangnya dua mesyuarat hendaklah diadakan dalam setahun.

(2) Jika tidak kurang daripada lima orang ahli menulis surat kepada Yang Dipertua meminta dia memanggil mesyuarat Majlis, Yang Dipertua hendaklah memanggil mesyuarat itu dalam masa satu bulan selepas permintaan itu diterima.

(3) Kuorum bagi sesuatu mesyuarat Majlis ialah tujuh, dan keputusan Majlis hendaklah mengikut kelebihan suara ahli yang hadir dan mengundi.

(4) Apabila sesuatu kekosongan berlaku di kalangan ahli, Majlis hendaklah, dengan seberapa segera yang boleh, mengambil tindakan yang perlu bagi mengisi kekosongan itu.

(5) Dalam sesuatu mesyuarat Pengurus adalah berhak memberikan suatu undi dan juga, jika bilangan undi atas sesuatu soal sama banyaknya, suatu undi pemutus.

(6) Ahli-ahli Majlis yang bukan pegawai awam hendaklah dibayar apa-apa bayaran kerana menghadiri mesyuarat Majlis atau mesyuarat sesuatu jawatankuasa yang dilantik oleh Majlis dan apa-apa perbelanjaan perjalanan dan elauan sara hidup yang berpatutan kerana menghadiri mesyuarat itu dan kerana perjalanan yang dilakukan pada menjalankan kewajipan mereka di bawah Akta ini sebagaimana yang diluluskan dari semasa ke semasa oleh Menteri.

(7) Tertakluk kepada peruntukan Akta ini, Majlis boleh secara am membuat perintah tetap yang mengaturkan tatacaranya sendiri, dan, khususnya berhubung dengan mengadakan mesyuarat, notis yang hendaklah diberikan mengenai mesyuarat itu, prosiding dalam mesyuarat, penyimpanan minit dan penjagaan, pengemukaan dan pemeriksaan minit itu.

#### **Jawatankuasa Majlis**

3. (1) Majlis boleh dari semasa ke semasa menubuhkan dari kalangan ahlinya satu atau beberapa jawatankuasa sebagaimana yang difikirkan patut oleh Majlis dan boleh mewakilkan kepada mereka mana-mana daripada fungsi Majlis yang difikirkan patut oleh Majlis.

(2) Kuorum bagi sesuatu mesyuarat jawatankuasa ialah tiga, melainkan jika ditetapkan selainnya oleh Majlis.

#### **Setiausaha Majlis**

4. Yang Dipertua boleh melantik seorang pegawai dari Kementerian Kesihatan menjadi Setiausaha Majlis.

**Pejabat Majlis**

5. Pejabat Majlis ialah di suatu tempat yang ditetapkan oleh Ketua Pengarah.
- 

**JADUAL KEDUA**

[Subseksyen 12(1)]

| <i>Negara tempat kelulusan diberikan</i> | <i>Institusi yang memberikan kelulusan</i>                       | <i>Perihal kelulusan</i>     |
|--|--|------------------------------|
| Australia ...                            | University of Adelaide   | Bachelor of Dental Surgery   |
|  | University of Melbourne  | Bachelor of Dental Science   |
|  | University of Queensland   | Bachelor of Dental Science   |
|  | University of Sydney   | Bachelor of Dental Surgery   |
|  | University of Victoria   | Licentiate in Dental Surgery |
| Bangladesh ...                           | University of Western Australia                                  | Bachelor of Dental Science   |
|  | Dhaka Dental College, University of Dhaka, Ramna, Dhaka          | Bachelor of Dental Surgery   |
| Canada ... ...                           | Faculty of Dentistry, University of Alberta, Edmonton, Alberta   | Doctorate in Dental Surgery  |
|  | Faculty of Dentistry, University of Manitoba, Winnipeg, Manitoba | Doctorate in Dental Surgery  |
|  | Faculty of Dentistry, Dalhousie University, Halifax, Nova Scotia | Doctorate in Dental Surgery  |
|  | Faculty of Dentistry, University of Toronto, Toronto, Ontario    | Doctorate in Dental Surgery  |
|  | Faculty of Dentistry, McGill University                          | Doctorate in Dental Surgery  |

| <i>Negara tempat kelulusan diberikan</i> | <i>Institusi yang memberikan kelulusan</i>                          | <i>Perihal kelulusan</i>   |
|--|---|--|
|  | Faculty of Dental Surgery, Universite de Montreal, Montreal, Quebec | Doctorate in Dental Surgery  |
| Hong Kong ...                            | University of Hong Kong   | Bachelor of Dental Surgery (B.D.S.)<br>(Diiktiraf pada 13 Disember 2000) |
| Indonesia ... ...                        | University Indonesia, Jakarta                                       | Ijazah Kedoktoran Gigi   |
|  | University Airlangga, Surabaya                                      | Ijazah Kedoktoran Gigi   |
|  | University Sumatra Utara, Medan                                     | Ijazah Kedoktoran Gigi   |
|  | University Gajah Mada, Jogjakarta                                   | Ijazah Kedoktoran Gigi   |
|  | University Pejajaran, Bandung                                       | Ijazah Kedoktoran Gigi   |
|  | Universitas Prof. Dr. Moestopo (Beragama)                           | Ijazah Doktor Gigi (I.D.G.)<br>(Diiktiraf pada 25 September 2002)        |
|  | Universitas Trisakti  | Ijazah Doktor Gigi (I.D.G.)<br>(Diiktiraf pada 25 September 2002)        |
| Iran ... ... ...                         | University of Tehran  | Doctor of Dental Surgery   |
| Iraq ... ... ...                         | University of Baghdad   | Bachelor of Dental Surgery   |
| Jordan ... ... ...                       | Jordan University of Science & Technology                           | Bachelor of Dental Surgery (B.D.S.)<br>(Diiktiraf pada 30 November 1995) |
|  | University of Jordan  | Bachelor of Dental Surgery (B.D.S.)<br>(Diiktiraf pada 30 November 1995) |

*Pergigian*

49

| <i>Negara tempat kelulusan diberikan</i> | <i>Institusi yang memberikan kelulusan</i>   | <i>Perihal kelulusan</i>   |
|--|--|--|
| Malaysia ... ...                         | Universiti Malaya  | Ijazah Sarjana Muda Pembedahan Pergigian   |
|  | Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)   | Ijazah Doktor Pergigian (D.D.S.)<br>(Diiktiraf pada 2 Jun 2002)                            |
|  | Universiti Sains Malaysia (USM)  | Ijazah Doktor Pergigian (D.D.S.)<br>(Diiktiraf pada 17 Februari 2004)                      |
| Malta ... ...                            | University of Malta  | Bachelor of Dental Surgery   |
| New Zealand ...                          | University of New Zealand  | Bachelor of Dental Surgery   |
|  | University of Otago  | Bachelor of Dental Surgery   |
| Pakistan ... ...                         | Teaching Dental Section, Liaquat Medical College, Hydrabad, West Pakistan<br>de' Montmorency College of Dentistry, Lahore, West Pakistan | Bachelor of Dental Surgery<br>Bachelor of Dental Surgery                                   |
| Republic of Ireland                      | The Royal College of Surgeons, Ireland<br>University of Dublin   | Licentiate in Dental Surgery<br>Licentiate in Dental Science<br>Bachelor in Dental Science |
|  | National University of Ireland   | Bachelor of Dental Surgery   |
| Republic of Korea                        | Seoul National University  | Doctor of Dental Surgery   |
| Republik Arab Mesir                      | Universiti Tanta   | Ijazah Sarjana Muda Pembedahan Pergigian   |

| <i>Negara tempat kelulusan diberikan</i> | <i>Institusi yang memberikan kelulusan</i>                                | <i>Perihal kelulusan</i>  |
|--|---|---|
|  | Universiti Mansourah  | Ijazah Sarjana Muda Pembedahan Pergigian                            |
| India ... ...                            | A.B. Shetty Memorial Institute of Dental Science, Mangalore               | Bachelor of Dental Surgery (B.D.S.)<br>(Diiktiraf pada 19 Mac 2003) |
|  | Bapuji Dental College & Hospital, Davangere                               | Bachelor of Dental Surgery (B.D.S.)<br>(Diiktiraf pada 19 Mac 2003) |
|  | College of Dental Surgery, Manipal Academy of Higher Education, Manipal   | Bachelor of Dental Surgery (B.D.S.)<br>(Diiktiraf pada 19 Mac 2003) |
|  | College of Dental Surgery, Manipal Academy of Higher Education, Mangalore | Bachelor of Dental Surgery (B.D.S.)<br>(Diiktiraf pada 19 Mac 2003) |
|  | KLE Society's Dental College, Jawaharlal Nehru Medical College, Belgaum   | Bachelor of Dental Surgery (B.D.S.)<br>(Diiktiraf pada 19 Mac 2003) |
|  | Meenakshi Ammal Dental College, Dr. M.G.R. Tamil Nadu University          | Bachelor of Dental Surgery (B.D.S.)<br>(Diiktiraf pada 19 Mac 2003) |
|  | Ragas Dental College Dr. M.G. R. Tamil Nadu University                    | Bachelor of Dental Surgery (B.D.S.)<br>(Diiktiraf pada 19 Mac 2003) |
|  | Saveetha Dental College, Dr. M.G.R. Tamil Nadu University                 | Bachelor of Dental Surgery (B.D.S.)<br>(Diiktiraf pada 19 Mac 2003) |
|  | SDM College of Dental Sciences, Dharwad                                   | Bachelor of Dental Surgery (B.D.S.)<br>(Diiktiraf pada 19 Mac 2003) |

*Pergigian*

51

| <i>Negara tempat kelulusan diberikan</i> | <i>Institusi yang memberikan kelulusan</i>   | <i>Perihal kelulusan</i>   |
|--|--|--|
|  | Sri Ramachandra Dental College, Dr. M.G.R. Tamil Nadu University                                 | Bachelor of Dental Surgery (B.D.S.) (Diiktiraf pada 19 Mac 2003)     |
|  | Vinayaka Mission's Sankaracharayar Dental College, Dr. M.G.R. Tamil Nadu University              | Bachelor of Dental Surgery (B.D.S.) (Diiktiraf pada 19 Mac 2003)     |
|  | Vinayaka Mission's Sankaracharayar Dental College, Vinayaka Mission's Research Foundation, Salem | Bachelor of Dental Surgery (B.D.S.) (Diiktiraf pada 19 Mac 2003)     |
| Singapore ...                            | King Edward VII College of Medicine  | Licentiate in Dental Surgery   |
|  | National University of Singapore   | Bachelor of Dental Surgery (mulai 7 Julai 1980)                      |
|  | University of Malaya   | Bachelor of Dental Surgery   |
|  | University of Singapore  | Bachelor of Dental Surgery   |
| South Africa ...                         | Medical University of South Africa (MEDUNSA)   | Bachelor of Dental Surgery (B.D.S.) (Diiktiraf pada 6 November 1997) |
|  | University of Pretoria   | Bachelor of Dentistry (Bch.D.) (Diiktiraf pada 6 November 1997)      |
|  | University of Stellenbosch   | Bachelor of Dental Surgery (B.D.S.) (Diiktiraf pada 6 November 1997) |
|  | University of Western Cape   | Bachelor of Dental Surgery (B.D.S.) (Diiktiraf pada 6 November 1997) |

| <i>Negara tempat kelulusan diberikan</i> | <i>Institusi yang memberikan kelulusan</i>              | <i>Perihal kelulusan</i>  |
|--|---|---|
|  | University of Witwatersrand                             | Bachelor of Dental Science (B.D.Sc.)<br>(Diiktiraf pada<br>6 November 1997) |
| Turkey ... ...                           | University of Ankara                                    | Dis Tabeti Diplomasi<br>(Diploma of Dental Surgery)                         |
|  | University of Haceteteppe                               | Dis Tabeti Diplomasi<br>(Diploma of Dental Surgery)                         |
|  | University of Istanbul                                  | Dis Tabeti Diplomasi<br>(Diploma of Dental Surgery)                         |
| United Arab Republic                     | Cairo University  | Bachelor of Dental Surgery  |
|  | Ain-Shams University                                    | Bachelor of Dental Surgery  |
|  | Alexandria University                                   | Bachelor of Dental Surgery  |
|  | Asuit University  | Bachelor of Dental Surgery  |
|  | Al-Azhar University                                     | Bachelor of Dental Surgery  |
| United Kingdom...                        | The Royal College of Surgeons, Edinburgh                | Licentiate in Dental Surgery  |
|  | The Royal College of Surgeons, England                  | Licentiate in Dental Surgery  |
|  | The Royal College of Physicians and Surgeons of Glasgow | Licentiate in Dental Surgery  |
|  | The Royal Faculty of Physicians and Surgeons of Glasgow | Licentiate in Dental Surgery  |
|  | Queen's University of Belfast                           | Licentiate in Dental Surgery<br>Bachelor of Dental Surgery                  |

*Pergigian*

53

| <i>Negara tempat kelulusan diberikan</i> | <i>Institusi yang memberikan kelulusan</i> | <i>Perihal kelulusan</i>                                   |
|--|--|--|
|  | University of Birmingham                   | Licentiate in Dental Surgery<br>Bachelor of Dental Surgery |
|  | University of Bristol                      | Licentiate in Dental Surgery<br>Bachelor of Dental Surgery |
|  | University of Dundee                       | Bachelor of Dental Surgery                                 |
|  | University of Durham                       | Licentiate in Dental Surgery<br>Bachelor of Dental Surgery |
|  | University of Edinburgh                    | Bachelor of Dental Surgery                                 |
|  | University of Glasgow                      | Bachelor of Dental Surgery                                 |
|  | University of Leeds                        | Licentiate in Dental Surgery<br>Bachelor of Dental Surgery |
|  | University of Liverpool                    | Licentiate in Dental Surgery<br>Bachelor of Dental Surgery |
|  | University of London                       | Bachelor of Dental Surgery                                 |
|  | University of Manchester                   | Licentiate in Dental Surgery<br>Bachelor of Dental Surgery |
|  | University of Newcastle Upon Tyne          | Bachelor of Dental Surgery                                 |

| <i>Negara tempat kelulusan diberikan</i> | <i>Institusi yang memberikan kelulusan</i>   | <i>Perihal kelulusan</i>                                   |
|--|--|--|
|  | University of St. Andrews  | Licentiate in Dental Surgery<br>Bachelor of Dental Surgery |
|  | University of Sheffield  | Licentiate in Dental Surgery<br>Bachelor of Dental Surgery |
|  | University of Wales  | Bachelor of Dental Surgery                                 |
| United States of America ... ...         | School of Dentistry, University of Alabama, Birmingham 3   | Doctorate in Dental Surgery                                |
|  | School of Dentistry, University of the Pacific College of Physicians and Surgeons, San Francisco 3 | Doctorate in Dental Surgery                                |
|  | School of Dentistry, University of California, San Francisco Medical Centre, San Francisco 94122   | Doctorate in Dental Surgery                                |
|  | School of Dentistry, University of Southern California, Los Angeles 7                              | Doctorate in Dental Surgery                                |
|  | School of Dentistry, Loma Linda University, California   | Doctorate in Dental Surgery                                |
|  | College of Dentistry, Howard University, Washington 20001  | Doctorate in Dental Surgery                                |
|  | School of Dentistry, Loyola University of Chicago, Chicago 12                                      | Doctorate in Dental Surgery                                |
|  | Northwestern University, Dental School, Chicago 60611  | Doctorate in Dental Surgery                                |
|  | College of Dentistry, University of Illinois, Chicago 12   | Doctorate in Dental Surgery                                |
|  | School of Dentistry, Indiana University, Indianapolis 2  | Doctorate in Dental Surgery                                |

| <i>Negara tempat kelulusan diberikan</i> | <i>Institusi yang memberikan kelulusan</i>   | <i>Perihal kelulusan</i>    |
|--|--|-----------------------------|
|  | College of Dentistry, State University of Iowa, Iowa City  | Doctorate in Dental Surgery |
|  | School of Dentistry, University of Louisville, Louisville 2                                      | Doctorate in Dental Surgery |
|  | School of Dentistry, Loyola University of New Orleans, New Orleans 18                            | Doctorate in Dental Surgery |
|  | School of Dentistry, Louisiana State University  | Doctorate in Dental Surgery |
|  | Baltimore College of Dental Surgery School of Dentistry, University of Maryland, Baltimore 21201 | Doctorate in Dental Surgery |
|  | Harvard School of Dental Medicine, Boston 02115  | Doctorate in Dental Surgery |
|  | Tufts University, School of Dental Medicine, Boston 02111  | Doctorate in Dental Surgery |
|  | School of Dentistry, University of Detroit, Detroit 48207  | Doctorate in Dental Surgery |
|  | School of Dentistry, University of Michigan, Ann Arbor   | Doctorate in Dental Surgery |
|  | School of Dentistry, University of Minnesota, Minneapolis 55455                                  | Doctorate in Dental Surgery |
|  | School of Dentistry, University of Missouri at Kansas City, Kansas City 6                        | Doctorate in Dental Surgery |
|  | School of Dentistry, St. Louis University, St. Louis 4   | Doctorate in Dental Surgery |
|  | School of Dentistry, Washington University, St. Louis  | Doctorate in Dental Surgery |
|  | Boyne School of Dental Science, The Creighton University, Omaha                                  | Doctorate in Dental Surgery |
|  | College of Dentistry, University of Nebraska, Lincoln  | Doctorate in Dental Surgery |

*Negara tempat  
kelulusan diberikan**Institusi yang  
memberikan kelulusan**Perihal kelulusan*

|   |                             |
|---|-----------------------------|
| School of Dentistry, Fairleigh Dickinson University, Teaneck                                  | Doctorate in Dental Surgery |
| Seton Hall, College of Dentistry, New Jersey College of Medicine and Dentistry, Jersey City 4 | Doctorate in Dental Surgery |
| School of Dental and Oral Surgery, Columbia University, New York 32                           | Doctorate in Dental Surgery |
| School of Dentistry, University of North Carolina, Chapel Hill                                | Doctorate in Dental Surgery |
| College of Dentistry, The Ohio State University, Columbus 10                                  | Doctorate in Dental Surgery |
| School of Dentistry, Case Western Reserve University, Cleveland                               | Doctorate in Dental Surgery |
| University of Oregon Dental School, Portland  | Doctorate in Dental Surgery |
| School of Dentistry, Temple University, Philadelphia 40                                       | Doctorate in Dental Surgery |
| School of Dentistry, University of Pennsylvania, Philadelphia                                 | Doctorate in Dental Surgery |
| School of Dentistry, University of Puerto Rico, San Juan                                      | Doctorate in Dental Surgery |
| School of Dentistry, Meharry Medical College, Nashville                                       | Doctorate in Dental Surgery |
| College of Dentistry, University of Tennessee, Memphis 3                                      | Doctorate in Dental Surgery |
| College of Dentistry, Baylor University Dallas  | Doctorate in Dental Surgery |
| The University of Texas, Dental Branch, Houston   | Doctorate in Dental Surgery |
| School of Dentistry, Medical College of Virginia, Richmond                                    | Doctorate in Dental Surgery |

*Negara tempat  
kelulusan diberikan*

*Institusi yang  
memberikan kelulusan*

*Perihal kelulusan*

School of Dentistry, University of Washington, Seattle      Doctorate in Dental Surgery

School of Dentistry, West Virginia University, Morgantown      Doctorate in Dental Surgery

School of Dentistry, Marquette University, Milwaukee, Wisconsin      Doctorate in Dental Surgery

**UNDANG-UNDANG MALAYSIA****Akta 51****AKTA PERGIGIAN 1971****SENARAI PINDAAN**

| Undang-undang yang meminda | Tajuk ringkas  | Berkuat kuasa dari |
|----------------------------|--|--------------------|
| Akta 160                   | Akta Mata Wang Malaysia (Ringgit) 1975                           | 29-08-1975         |
| Akta A372                  | Akta Pergigian (Pindaan) 1977                                    | 18-03-1977         |
| P.U.(A) 13/1979            | Perintah Akta Pergigian (Pindaan bagi Jadual Kedua) 1979         | 02-02-1979         |
| P.U.(A) 264/1979           | Perintah Akta Pergigian (Pindaan bagi Jadual Kedua) (No. 2) 1979 | 19-10-1979         |
| P.U.(A) 25/1983            | Perintah Akta Pergigian (Pindaan bagi Jadual Kedua) 1983         | 28-01-1983         |
| P.U.(A) 80/1986            | Perintah Pergigian (Pindaan Jadual Kedua) 1986                   | 28-03-1986         |
| P.U.(A) 271/1989           | Perintah Pergigian (Pindaan Jadual Kedua) 1989                   | 15-09-1989         |
| P.U.(A) 447/1991           | Perintah Pergigian (Pindaan Jadual Kedua) 1991                   | 06-12-1991         |
| Akta A982                  | Akta Pergigian (Pindaan) 1997                                    | 31-01-1997         |
| Akta A1105                 | Akta Pergigian (Pindaan) 2001                                    | 29-06-2001         |
| P.U.(A) 54/2004            | Perintah Pergigian (Pindaan Jadual Kedua) 2004                   | 06-02-2004         |
| P.U.(A) 162/2004           | Perintah Pergigian (Pindaan Jadual Kedua) 2004                   | 21-05-2004         |

*Pergigian*

59

Undang-undang  
yang meminda

P.U.(A) 85/2005

P.U.(A) 351/2005

Tajuk ringkas

Perintah Pergigian (Pindaan Jadual  
Kedua) 2005

Perintah Pergigian (Pindaan Jadual  
Pertama) 2005

Berkuat kuasa  
dari

04-03-2005

23-09-2005

**UNDANG-UNDANG MALAYSIA****Akta 51****AKTA PERGIGIAN 1971****SENARAI SEKSYEN YANG DIPINDA**

| Seksyen        | Kuasa meminda   | Berkuat kuasa dari |
|----------------|-----------------|--------------------|
| 3              | Akta A982       | 31-01-1997         |
| 17             | Akta A982       | 31-01-1997         |
| 23             | Akta A982       | 31-01-1997         |
| 36             | Akta A982       | 31-01-1997         |
| 41             | Akta A372       | 18-03-1997         |
| 42             | Akta A982       | 31-01-1997         |
| 46             | Akta A1105      | 29-06-2001         |
| 47             | Akta A1105      | 29-06-2001         |
| 48             | Akta A1105      | 29-06-2001         |
| 49             | Akta A1105      | 29-06-2001         |
| 50             | Akta A1105      | 29-06-2001         |
| Jadual Pertama | Akta A982       | 31-01-1997         |
|                | P.U.(A)351/2005 | 23-09-2005         |
| Jadual Kedua   | P.U.(A)13/1979  | 02-02-1979         |
|                | P.U.(A)264/1979 | 19-10-1979         |
|                | P.U.(A)25/1983  | 28-01-1983         |
|                | P.U.(A)80/1986  | 28-03-1986         |

*Pergigian***61**

| Seksyen | Kuasa meminda   | Berkuat kuasa<br>dari |
|---------|-----------------|-----------------------|
|         | P.U.(A)271/1989 | 15-09-1989            |
|         | P.U.(A)447/1991 | 16-12-1991            |
|         | P.U.(A)54/2004  | 06-02-2004            |
|         | P.U.(A)162/004  | 21-05-2004            |
|         | P.U.(A)85/2005  | 04-03-2005            |